



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PERLANTIKAN YANG DI PERTUA DEWAN NEGARA [Ruangan 2061]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2064]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibehaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2071]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 2071]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) [Ruangan 2078]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 2080]

Rang Undang Galakan Pelaburan (Pindaan) [Ruangan 2091]

Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) [Ruangan 2102]

PENGUMUMAN YANG DI PERTUA:

Allah Yarham Senator Mohd. Hanipah—Kematian [Ruangan 2128]

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS [Ruangan 2129]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Jumaat, 23hb Februari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., P.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ Tuan G. LOUIS (Dilantik).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kedah).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ AWANG DAUD MATUSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P. Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Perak).
- „ Datuk Temenggong Oyong Lawai Jau, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ DATUK S. O. K. UBAlDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ TUAN YEAP KENG YAM (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

DOA

PERLANTIKAN YANG DI PERTUA
DEWAN NEGARA

Tuan Setiausaha: Memilih Yang di Pertua Dewan Negara.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Saya mohon mencadangkan supaya Yang Berhormat Tan Sri Omar Yoke-Lin Ong dipilih menjadi Yang di Pertua Dewan Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mencadangkan Yang Berhormat Tan Sri Omar itu dipilih menjadi Yang di Pertua Dewan Negara, oleh sebab sebagaimana kita semua maklum Yang Berhormat itu ialah seorang rakyat Malaysia yang telah banyak berjasa memperjuangkan kemerdekaan negara kita, seorang ahli politik dan perliamentarian yang cukup berpengalaman semenjak tahun 1955 di Dewan Rakyat dan kemudiannya di Dewan Negara ini, bekas Ahli Jemaah Menteri, bekas Duta Besar kita di Bangsa-bangsa Bersatu dan di Amerika Syarikat dan tidak kurang pula Yang Berhormat itu adalah seorang yang peramah, lemah-lembut, baik-budi pekerti dan sahabat kepada kita sekalian.

Dengan yang demikian, pada pendapat saya, sudah sewajarnya kita sekalian memilih dan mengangkat Yang Berhormat Tan Sri Omar kepada satu tempat yang paling tinggi dan mulia di Dewan ini, yang

baharu sahaja telah dikosongkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan, yang kita semua sangat hormati dan kasihi.

Bagi maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat pada mesyuarat Dewan yang akan datang, saya akan membawa satu usul penghargaan kita ke atas jasa-jasa bekas Yang di Pertua kita yang lama itu, Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan (*Tepuk*).

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian juga memberi penuh kepercayaan dan keyakinan iaitu Yang Berhormat Tan Sri Omar yang saya cadangkan ini akan menjalankan tugas-tugasnya dengan cekap dan beres mengikut Peraturan-peraturan Meshuarat serta bertimbang rasa dan saksama kepada semua Ahli-ahli Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Saya mohon menyokong cadangan itu.

Tuan Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang sahaja Ahli yang dicadangkan dan disokong menjadi Tuan Yang di Pertua, maka menurut Peraturan Mesyuarat 2 ceraihan (3), saya mengisytiharkan dengan rasminya bahawa Yang Berhormat Tan Sri Omar Yoke-Lin Ong sebagai telah dipilih menjadi Tuan Yang di Pertua Dewan Negara.

(*Dengan pemsyhoran Tuan Setiausaha, Yang Berhormat Tan Sri Omar Yoke-Lin*

Ong dibawa kepada Kerusi oleh Yang Berhormat Peguam Negara, Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof dan Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin).

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil peluang keemasan ini mengucapkan syukur kepada Allah dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah meletakkan kepercayaan dan kehormatan kepada saya dengan memilih saya menjadi Yang di Pertua Dewan Negara.

Saya terhutang budi kepada Yang Berhormat Peguam Negara yang telah mencadangkan usul bagi perlantikan saya dan juga kepada Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin yang telah menyokong usul itu, dan atas kata-kata yang indah daripada mereka terhadap diri saya akan tarkandung dalam ingatan saya buat selama-lamanya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui, Dewan Negara adalah sebahagian yang penting daripada sistem Kerajaan berdemokrasi dan berparlimen dalam negara kita yang dicintai ini di mana kedaulatan undang-undang adalah termaktub dalam Perlembagaan kita. Saya yakin dan percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus mempertahankan tradisi-tradisi Dewan ini dan menjadikannya sebuah badan yang lebih berkesan lagi dalam menyempurnakan tanggungjawab-tanggungjawabnya dalam membuat undang-undang.

Bagi diri saya sendiri, saya berasa bangga memegang jawatan yang tertinggi ini dan saya akan cuba sedaya upaya untuk mengikut jejak langkah Yang di Pertua-Yang di Pertua yang terkemuka yang terlebih dahulu daripada saya dalam mempengerusikan Persidangan Dewan ini dan saya yakin akan mendapat kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menjalankan tugas-tugas saya. Sungguhpun Yang di Pertua yang terdahulu daripada saya, Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan meletakkan jawatannya, kita gembira kerana beliau akan terus menjadi Ahli Dewan ini. Sebagai Yang di Pertua, tidak syak lagi beliau memang tidak dapat mengambil bahagian dalam perbahasan Dewan ini, tetapi sekarang kita berharap akan mendapat sumbangannya yang bernilai hasil daripada pengalamannya yang luas dalam kehidupan

awam dan juga khidmatnya yang bertahun-tahun sebagai seorang Ahli Jemaah Menteri. Kita berdoa mudah-mudahan beliau panjang umur dan berada di dalam keadaan sihat-walafiat dalam melaksanakan tugas-tugasnya terhadap negara kita yang dicintai.

Tuan Yang di Pertua: Majlis dtempohkan selama lima minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 2.40 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 2.45 petang.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

JAWATANKUASA PEPERIKSAAN BAHASA KERAKYATAN

1. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa orang Ahli-ahli Parlimen yang duduk dalam Jawatankuasa Peperiksaan Bahasa Kerakyatan dan sebutkan nama-nama mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua, sehingga hari ini seramai 4 orang Ahli-ahli Parlimen telah dilantik sebagai tambahan kepada Ahli Lembaga Bahasa. Mereka itu ialah:

<i>Nama</i>	<i>Daerah-Daerah Lembaga Bahasa</i>
(i) Yang Berhormat Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Wakil Rakyat Kawasan Besut, Trengganu)	Daerah Besut, Trengganu
(ii) Yang Berhormat Tuan Wan Mokhtar bin Ahmad (Wakil Rakyat Kawasan Kemaman, Trengganu)	Daerah Kemaman, Trengganu
(iii) Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Wakil Rakyat Kawasan Melaka Selatan)	Daerah Jasin, Melaka
(iv) Yang Berhormat Dr Mohamed bin Taib (Wakil Rakyat Kawasan Kuantan, Pahang)	Daerah Kuantan, Pahang

Tuan Amaluddin bin Darus: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah atau tidak Kerajaan bercadang akan

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bagi meminda "Akta Galakan Pelaburan, 1968 untuk mengadakan peruntukan bagi galakan tempat kedudukan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya" atau secara ringkasnya dikenali sebagai "Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan), 1973" untuk dibacakan buat kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, sebagai lanjutan kepada pengistiharan yang dibuat baru-baru ini mengenai galakan-galakan eksport yang lebih luas dan menarik, Kerajaan bercadang mengemukakan satu galakan kewangan yang baru dikenali sebagai Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan. Selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk menggalakkan penyebaran perusahaan-perusahaan daripada kawasan penumpuan perusahaan yang terdapat sekarang di bandar-bandar kepada kawasan-kawasan luar bandar. Penyebaran secara ini, saya yakin, akan membawakan pembangunan dan kemajuan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan ini seperti yang terdapat di dalam Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) 1973 adalah merupakan satu daripada langkah untuk mendorong pengaliran pelaburan modal ke kawasan-kawasan desa.

Di bawah undang-undang yang terdapat sekarang, sememangnya terdapat peruntukan untuk galakan tambahan bagi perusahaan-perusahaan yang ditubuhkan di "Kawasan Pembangunan". Sesuatu projek taraf perintis yang ditubuhkan di kawasan-kawasan pembangunan adalah dibenarkan menikmati tempuh kelepasan cukai tambahan selama setahun lagi dan sesuatu projek yang diberikan Kredit Cukai Pelaburan adalah dibenarkan menikmati galakan tambahan sebanyak 5% lagi.

Walaubagaimanapun galakan-galakan tersebut telah tidak begitu memberikan kesan di

dalam usaha Kerajaan untuk mendorong pengusaha-pengusaha mendirikan kilang-kilang mereka di kawasan-kawasan desa.

Tuan Yang di Pertua, sebagai satu langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan objektif Kerajaan mengenai penyebaran perusahaan adalah dirasakan bahawa galakan yang lebih menarik daripada yang terdapat sekarang perlu diadakan.

Memandang kepada hal yang demikian, pada awal tahun lepas Kerajaan telah mengarahkan Jawatankuasa Kajisemula Berkenaan Galakan-galakan Pelaburan untuk menimbangkan semula perkara-perkara berkenaan dengan taraf perintis sebagai sejenis galakan untuk penyebaran perusahaan agar ianya sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Jawatankuasa tersebut telah mencadangkan, di antara lain, supaya diwujudkan Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan berdasar kepada Rang Undang-undang ini.

Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan ini mempunyai faedah-faedah yang nyata. Siri utama galakan ini ialah pemberian tempuh kelepasan cukai yang maksima selama 10 tahun kepada perusahaan-perusahaan tertentu yang telah ditetapkan dan diberi kelulusan untuk ditubuhkan di kawasan-kawasan yang ditetapkan. Kawasan-kawasan yang ditetapkan ini adalah kawasan-kawasan yang tertentu samada di dalam kawasan-kawasan bandar, kawasan-kawasan perusahaan atau pusat-pusat pembangunan di mana Kerajaan bercadang untuk menyebarkan perusahaan. Tempuh kelepasan cukai bagi kawasan-kawasan yang ditetapkan ini adalah berbeza di antara satu dengan lain.

Kawasan-kawasan yang akan ditetapkan sebagai Kawasan Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan, jenis-jenis perusahaan yang layak mendapatkannya dan juga tempuh kelepasan cukai untuk satu-satu kawasan yang ditetapkan itu akan diwartakan dari satu masa ke satu masa.

Galakan yang baru ini merupakan satu sistem galakan pelaburan yang lebih berkesan dan bertujuan untuk menyebarkan aktiviti-aktiviti pengilangan daripada ditumpukan di kawasan-kawasan bandar. Satu lagi siri yang menarik berkenaan dengan galakan ini adalah tempuh kelepasan cukai yang diberikan kepada kawasan-kawasan yang ditetapkan itu. Ini akan dapat menolong pembangunan dan perkembangan kawasan-kawasan yang

mendaftarkan surat-surat ini ialah oleh kerana :

- (i) Kekurangan kakitangan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri;
- (ii) Kakitangan yang cukup, tetapi tidak bekerja, ataupun yang bekerja, tetapi tidak tahu bekerja, ataupun orang yang memohon ini tidak tahu cara-cara untuk membuat pendaftaran ini.

Bolehkah tidak Yang Berhormat Menteri memberikan arahan supaya cara mendaftar ini dikeluarkan sebagai suatu brochure ataupun booklet supaya pihak orang ramai dapat faham, apakah cara-cara yang mesti dilakukan oleh mereka untuk mendapatkan pendaftaran ini dan menentukan masa untuk perkara ini dijalankan oleh pegawai-pegawai yang bertugas?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di Pertua, mengikut perjalanan sekarang ini sudah pun kita beritahu kepada pegawai-pegawai dan juga kepada rakyat tentang cara-cara untuk menjalankan urusan yang tersebut itu. Saya suka memaklumkan bahawa surat-suratcara urusan yang telah disempurnakan adalah dikenakan bayaran mengikut kadar sebagaimana yang telah sama-sama maklum. Surat-suratcara urusan yang telah dikenakan cukai setem sepenuhnya hendaklah diserahkan. Yang saya terangkan ini ialah mengenai kaedah, cara bagaimana benda itu boleh berlaku lewat ataupun dapat dipercepatkan. Surat-surat urusan yang telah dikenakan cukai setem sepenuhnya hendaklah diserahkan kepada Pendaftar bersama dengan bayaran pendaftarannya. Tarikh dan masa penerimaannya akan dicatit dalam surat cara itu dan juga dalam buku perserahan atau presentation book. Tarikh dan masa tersebut akan menjadi tarikh dan masa pendaftaran. Selepas catitan dalam buku perserahan, surat-suratcara urusan akan diuruskan mengikut keutamaan dalam buku perserahan itu sendiri. Pendaftar akan menentukan kelayakan surat-suratcara itu untuk didaftarkan dan kelayakan-kelayakan adalah meliputi perkara-perkara yang berikut :

- (1) Adakah surat-suratcara itu menepati urusan-urusan yang dimaksudkan;
- (2) Adakah urusan-urusannya terbukti dalam suratcara itu dilakukan mengikut

kehendak-kehendak Kanun Tanah Negara;

- (3) Adakah surat-suratcara itu menggunakan borang yang ditetapkan oleh Kanun Tanah Negara;
- (4) Adakah suratcara itu menurut kehendak-kehendak lain-lain undang-undang yang berkenaan, misalnya Undang-undang Malay Reservation;
- (5) Adakah suratcara itu menepati syarat-syarat nyata yang terkandung di dalam hak milek tanah yang tersebut di dalamnya;
- (6) Adakah suratcara itu disediakan dengan teratur dan mereka yang menyaksikan tandatangan pihak-pihak yang berkenaan adalah orang-orang yang dibenarkan oleh Kanun Tanah Negara;
- (7) Sudahkah dokumen-dokumen yang dikehendaki, misalnya suratan hak milek (duplicate of charge) dan sebagainya dikepilkan atau dikembarkan dengan surat-suratcara itu;
- (8) Sudahkah salinan yang cukup itu diserahkan;
- (9) Adakah kertas suratcara itu menurut kehendak Kanun Tanah Negara mengenai bidangnya, warnanya dan mutunya;
- (10) Adakah tulisan dalam suratcara itu menggunakan dakwat hitam atau blue black;
- (11) Adakah sekatan-sekatan dalam hak milek itu;
- (12) Sudahkah suratcara itu dikenakan cukai setem dengan secukupnya.

Surat-suratcara yang tidak mematuhi kehendak-kehendak yang tersebut di atas adalah tidak layak didaftarkan dan akan ditolak. Pendaftar ada kuasa menangguhkan pendaftaran suratcara selama 14 hari untuk meneliti samada berlaku sebarang kesilapan (clerical error) ataupun sebagainya dan kelambatan mendaftar boleh timbul jika bilangan surat-suratcara yang diterima melebihi tenaga yang mengurus. Juga pihak-pihak yang mengemukakan suratcara mungkin gagal membetulkan suratcara yang mengandungi kesilapan dalam tempuh 14 hari. Jadi berkenaan dengan hal-hal cara-cara ini rasa saya pihak Pejabat Tanah sentiasa dimaklumkan dari satu masa ke satu

masa dan kalau kita hendak mengadakan booklet seperti yang dicadangkan tadi boleh juga dikaji buat sementara waktu, jika perlu.

GURU-GURU—SISTEM PERTUKARAN

4. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar rasa tidak puas di kalangan guru-guru mengenai sistem pertukaran mereka ke sekolah lain dalam mana mereka tidak diberitahu sehingga saat terakhir; jika sedar, apakah langkah-langkah Kerajaan bercadang mengambil supaya sistem itu diperbaiki.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua, ya, saya sedar perkara ini, tetapi pertukaran seperti itu tidaklah selalunya berlaku. Biasanya guru-guru yang bertukar diberitahu mengenai pertukaran mereka itu dalam jangka masa yang menasabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pertukaran guru-guru ujud secara besar-besaran dengan pelaksanaan syor Suruhanjaya Aziz. Sebelum itu, di bawah Perkhidmatan Pelajaran yang lama, yakni U.T.S., guru-guru yang bukan pegawai Kerajaan tidak boleh ditukar dari sebuah sekolah ke sebuah sekolah yang lain kerana di bawah Perkhidmatan tersebut, guru-guru adalah pekerja-pekerja Lembaga Pengurus atau Pengelola sekolah masing-masing. Tetapi dengan pelaksanaan syor Suruhanjaya Aziz baru-baru ini semua guru-guru yang telah memilih memasuki Perkhidmatan Pelajaran Kerajaan yang baru itu boleh ditukar ke mana-mana, seperti juga dengan lain-lain Perkhidmatan Kerajaan.

Dengan yang demikian untuk melaksanakan syor Suruhanjaya Aziz tersebut, Kementerian saya pada masa ini sedang menyediakan satu jentera untuk mengendalikan semua urusan pertukaran guru-guru supaya kerja tersebut boleh dijalankan dengan sempurna. Tetapi oleh kerana syor ini baru sahaja dilaksanakan maka jentera pertukaran itu akan memerlukan masa sebelum ia dapat berjalan dengan sepenuhnya.

Kementerian saya juga akan mengarahkan semua Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri supaya mengadakan satu jentera yang serupa

di Jabatan masing-masing untuk mengendalikan pertukaran guru-guru di peringkat negeri.

Dr Mahathir bin Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri tahu samada apabila guru-guru diberitahu tentang pertukaran mereka dalam masa yang disebutkan menasabah, maka tidak ada sungutan ataupun tentangan daripada pihak guru-guru.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, masalah pertukaran ini selalu mendatangkan teguran ataupun sungutan walaupun masa yang diberi itu menasabah. Mengikut amalan pada masa ini guru-guru yang ditukar diberi notis pertukaran 2 minggu sebelum mereka ditukarkan. Walau bagaimanapun, pertukaran yang tidak pun melibatkan pindah-randah, umpamanya pertukaran daripada sebuah sekolah ke sebuah sekolah yang lain dalam kawasan yang sama notis kurang daripada 2 minggu pernah juga diberi. Pertukaran seperti itu pada pandangan Kementerian tidak mendatangkan sebarang kesulitan kepada guru-guru yang terlibat seperti masalah mencari rumah di tempat sekolah-sekolah mereka yang baru ini.

Tuan Amaluddin bin Darus: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Dalam melaksanakan pertukaran guru-guru ini tentu ada sedikit sebanyak perasaan tidak puashati yang menimbulkan soalan asal di sini. Adakah Kerajaan atau Kementerian Pelajaran menyediakan sebarang langkah untuk mengatasi masalah yang mungkin timbul daripada pertukaran-pertukaran ini yang boleh membawakan kepada perasaan tekanan batin atau penderitaan batin seperti yang dikatakan kononnya jika benar guru-guru daripada Indonesia yang dipinjamkan ke negeri kita ini ada juga merasa tekanan batin oleh kerana keadaan-keadaan yang berkembang di negeri kita ini. Jadi saya ingin tahu apakah fikiran dan langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah ini supaya jangan berlaku tekanan batin atau penderitaan batin ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, soalan ini ialah berkenaan dengan tegoran-tegoran atau perasaan tidak puashati dengan sebab diberi notis yang singkat—itu soalan yang di hadapan kita ini. Masalah berkenaan dengan tak puashati

dan masalah-masalah lain itu banyak berlaku dan tentu macam mana saya katakan tiap-tiap satu pertukaran itu akan membangkitkan tidak puashati bukan dengan satu sebab sahaja, saya fikir juga dengan beberapa sebab. Saya rasa oleh kerana soalan ini adalah berkenaan dengan tidak puashati kerana kita memberi notis yang singkat, jadi saya minta notis kalau ada soalan yang lain terkeluar daripada soalan yang asal ini.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG (PENCEN DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pencen dan Ganjaran Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, pada masa ini Akta Pencen dan Ganjaran Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 yang berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari, 1970 dan mengikut Seksyen 13 Akta itu jika seseorang telah menjadi anggota pentadbiran atau Ahli Parlimen pada tarikh itu iaitu 1hb Januari, 1970, maka tempuh perkhidmatannya sebagai Anggota Pentadbiran atau Ahli Parlimen sebelum tarikh itu, tetapi tidaklah sebelum 31hb Ogos, 1957, bolehlah diambil kira untuk menentukan lamanya ia berkhidmat.

Dengan adanya peruntukan ini, maka seseorang yang menjadi Ahli bagi Parlimen yang lepas iaitu Parlimen yang dibubarkan pada 20hb Mac, 1969 dan mereka tidak pula menjadi Ahli Parlimen yang ada sekarang ini tidaklah ia berhak kepada apa-apa pencen dan ganjaran.

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan telah menimbangkan semula perkara ini dan berpendapat bahawa syarat yang berkehendakkan seseorang itu menjadi Ahli Parlimen pada 1hb Januari, 1970 untuk melayakkan ia dibayar pencen dan ganjaran adalah satu syarat yang difikirkan tidak menasabah. Sebaliknya dasar bayaran pencen atau ganjaran patutlah berasaskan kepada perkhidmatan seseorang Ahli dan bukan berasaskan kepada tarikh seseorang itu menjadi Ahli sahaja. Memandangkan kepada prinsip ini, maka dicadangkan sekarang bahawa tarikh baru yang sesuai bagi berjalan kuatkuasa Akta ini ialah 19hb Mac, 1969 iaitu tarikh terakhirnya hayat Parlimen yang lepas. Begitu juga dicadangkan supaya Seksyen 13 itu dipinda supaya Ahli Parlimen yang berkhidmat pada 19hb Mac, 1969 ataupun yang berkhidmat pada 1hb Januari, 1970 bolehlah diambil kira tempuh ia berkhidmat sebelum mana-mana tarikh untuk menentukan pencen dan ganjaran.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abdul Razak bin Hussain: Tuan Yang di Pertua, saya berterima kasih kerana diberi peluang, lebih-lebih lagi kali

pertama Tuan Yang di Pertua menjadi Yang di Pertua Dewan pada hari ini dan saya berucap mengambil simpati kerana Tuan Yang di Pertua mula menduduki kurusi.

Setahun dahulu dalam bulan Februari, 1972 undang-undang ini telah dibawa ke dalam Dewan Rakyat. Sesungguhnya penerimaan Bil ini telah diterima baik oleh Ahli Dewan bukan sahaja Ahli Dewan Rakyat, tetapi juga oleh Ahli Dewan Negara ini, tetapi pada hari ini satu pindaan lain telah diadakan, membolehkan Ahli-ahli Dewan mendapat ganjaran dan pencen berdasarkan kepada tarikh 1hb Januari, 1969. Sesungguhnya saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana pandangan jauh yang telah diberi sehingga pindaan ini dilaksanakan.

Saya bersetuju benar dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara, perincian dan pengukuran hendaklah ditakrifkan kepada perkhidmatan bukan kepada tarikh perkhidmatan itu, ertinya ukuran itu hendaklah ditakrifkan kepada masa lama perkhidmatan mereka, kecuali daripada lama perkhidmatan itu telah diukur.

Maka saya rasa, itu sangatlah adil dan saya menyokong dengan sepenuhnya Bil ini. Apa yang saya rasa patut Kerajaan mengkaji pada masa yang akan datang sesuatu Bil seperti ini tidaklah seharusnya datang dua tiga kali di Dewan ini sehingga terkeluar suara dan rayuan dan permohonan dan sebaik-baiknya atau sepatutnya dikaji terlebih dahulu dengan halus. Kerana perkara yang seumpama ini apabila dibahaskan dalam Dewan Rakyat, atau Dewan Negara oleh Ahli-ahli kedua Dewan, maka rakyat akan mengatakan atau berfikir bahawa Ahli-ahli kedua Dewan ini tidak ada lain khidmatnya ialah untuk memperjuangkan kepentingannya sendiri.

Dalam zaman yang begini, rasa kelemahan jiwa itu memang ada. Jadi saya mohon kepada Kerajaan pada masa yang akan datang, jika sebarang peruntukan mahu diwujudkan untuk Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, sesungguhnya hendaklah dikaji dengan teliti, perundingan hendaklah dibuat supaya apabila Bil seperti ini dibawa ke dalam Dewan maka tidaklah rakyat memikirkan Ahli Dewan ini semata-mata memperjuangkan hak kepentingannya sendiri sahaja. Tetapi sebagaimana biasa, Tuan

Yang di Pertua, manusia penuh kekurangan. Kekurangan itu juga terpaksa dibetulkan oleh orang-orang yang bersangkutan dengan perkara ini. Adalah diharap rakyat dapat memahami kedudukannya atas perkara ini.

Pada akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya mengalu-ngalukan Bil ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Peguam Negara dengan pandangan yang jauh yang telah mengadakan Rang Undang-undang ini dengan pindaan yang saya rasa akan dihargai bukan sahaja oleh Ahli-ahli yang ada di Dewan ini, tetapi juga orang-orang yang sudah tidak ada lagi di dalam Dewan ini, mereka juga akan mengucapkan terima kasih dan terhutang budi kepada Kerajaan. Begitu juga saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Tuan Yang di Pertua yang telah menjadi Yang di Pertua Dewan ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah di atas lantikan baharu kepada Tuan Yang di Pertua sebagai Ketua atau sebagai Presiden Dewan Negara ini dan kita berdoa mudah-mudahan akan dirahmati dan direstui oleh Allah dengan taufik dan hidayah.

Tuan Yang di Pertua, saya bersetuju dan sependapat dengan Yang Berhormat Peguam Negara yang menyatakan bahawa Rang Undang-undang yang telah lalu itu tidak menasabah dan oleh kerana itu, maka dipindalah Rang Undang-undang ini.

Bagi saya samada dipinda ataupun tidak dipinda adalah serupa sahaja. Tetapi kalau tidak dipinda, maka besar ertinya kepada pejuang-pejuang yang tidak mendapat tempat di dalam Dewan ini setelah dia meninggalkan Dewan ini sebelum 1hb Januari, 1970 ataupun dengan lain perkataan, kalau dia tidak masuk pilihanraya, 1969 atau kalau dia masuk dalam pilihanraya tetapi dia kalah, dan dia mendapat tempat, berhak juga untuk mendapat pencen maka nasibnya tidak begitu baik, dan dia tidak mendapat apa-apa oleh kerana dia tidak layak pada 1hb Januari, 1970.

Tuan Yang di Pertua, hal ini, kalau saya hendak katakan kena pada diri saya juga sebab pada tahun 1969, 3 hari lagi hendak menamakan calon dan saya bersedia hendak menamakan calon, dengan takdir Tuhan

menambahkan lagi Ahli-ahli Parlimen di dalam perkara yang semacam ini?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, nama-nama mereka ini adalah dicalunkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Jadi, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri masing-masing samada mencalunkan daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri-negeri tersebut dan juga Ahli-ahli Parlimen di dalam Negeri yang tersebut.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Oleh sebab saya rasa Ahli-ahli Jawatankuasa ini tidak dibayar gaji, tidakkah elok kalau diberi peluang mencalunkan semua Ahli-ahli Parlimen berbangsa Melayu dan juga Ahli-ahli Dewan Negeri di tiap-tiap Negeri itu menjadi Ahli Jawatankuasa untuk menguruskan perkara ini?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, selalunya perkara ini bermula beginilah. Mula-mula, oleh kerana tidak ada elaun boleh dilantik ramai. Apabila sudah dilantik nanti komplek mengatakan banyak kerja; jadi minta elaun pula (*Ketawa*).

PORT DICKSON—ZON PERDAGANGAN BEBAS

2. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) samada Kerajaan bercadang menjadikan Port Dickson suatu Zon Perdagangan Bebas; jika ya, bila dan samada tarafnya sama dengan Pulau Pinang; dan
- (ii) samada Kerajaan Negeri Sembilan telah diberitahu dengan rasminya mengenai cadangan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, pada masa ini tidak ada apa-apa cadangan untuk mengistiharkan Port Dickson sebagai suatu Zon Perdagangan Bebas. Walaubagaimanapun, Kerajaan akan menimbang perkara ini jika ia difikirkan perlu dari segi kepentingan negara.

PEJABAT TANAH—RISALAT PEMINDAHAN

3. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Pembangunan Tanah menyatakan:

- (i) mengapa setengah-setengah risalat pemindahan yang diserahkan kepada

Pejabat Tanah dalam negeri ini untuk pendaftaran mengambil masa satu hingga tiga bulan dan setengah-setengahnya pula mengambil masa beberapa hari sahaja; dan

- (ii) samada Kerajaan akan menimbang mengarahkan Pejabat Tanah supaya mengkaji semula sistem mendaftar dokumen-dokumen kepada dasar mendaftar mengikut mana yang sampai dahulu dan jika gagal berbuat demikian biar Badan Pencegah Rasuah mengambil alih Pejabat Tanah.

Menteri Kemajuan Tanah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di Pertua,

- (i) Lazimnya risalat pemindahan yang diserahkan kepada Pejabat Tanah dalam negeri ini untuk pendaftaran, didaftarkan dalam masa kurang daripada dua minggu. Kelewatan mendaftar sebahagian daripada surat-suratcara adalah disebabkan oleh banyaknya bilangan-bilangan surat-suratcara, manakala di setengah-setengah Pejabat Tanah bilangan pegawai-pegawai yang menyelenggarakan ini tidak mencukupi.

Kelewatan adalah juga disebabkan oleh kerana surat-suratcara yang dikemukakan itu tidak lengkap atau bertentangan dengan undang-undang tanah, di mana kadang-kadang rojokkan perlu dibuat kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan dan ini memakan masa yang panjang.

- (ii) Semua Pejabat-pejabat Tanah di negeri ini sudah pun mengamalkan dasar mendaftar mengikut mana yang sampai dahulu.

Jika sekiranya ada laporan, berlaku sebarang kecurangan atau rasuah yang jelas dan ada bukti-bukti yang nyata, sudah tentu pihak Badan Pencegah Rasuah akan mengambil tindakan. Adapun soal mengambil alih Pejabat Tanah tidaklah berbangkit sama sekali.

Dr Mahathir bin Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya berpendapat bahawa sebabnya kelewatan

berlaku, kereta balak memukul kepala saya dan saya terpaksa terlantar di hospital 3 bulan dan dengan kerana itu tidak dapat menjadi calon dan tidaklah menjadi Ahli Dewan, sekalipun saya telah menjadi Anggota Parlimen selama 10 tahun. Dengan Undang-undang yang dibuat pada masa itu, maka saya tidak berhak mendapat pencen atau ganjaran, kerana saya tidak menjadi Ahli Dewan pada 1hb Januari, 1970.

Pada saya tidaklah begitu sangat kecil hati, tetapi banyak pejuang-pejuang yang lain yang telah menjadi Menteri semenjak merdeka, memperjuangkan kemerdekaan dan mereka tidak berkesempatan menjadi Ahli Dewan pada Pilihanraya tahun 1969. Ramai daripada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat Yang tidak dapat hak itu kerana dia tidak terpilih menjadi calon, maka hilanglah sahaja khidmatnya bagi mereka yang telah berjuang untuk kemerdekaan, sekalipun orang-orang yang seperti ini telah membuat rayuan, tetapi rupanya rayuan itu tidak begitu diindahkan. Tetapi Tuhan memberikan ilhamnya kepada pemimpin-pemimpin kita yang di atas, terutama sekali kepada Yang Berhormat Peguam Negara, yang saya fikir beliau juga yang telah membuat undang-undang dahulu dan kemudian datang ilham baharu patut diubah kerana dahulu tidak menasabah, maka beliau pun cari jalan yang menasabah, maka yang menasabah ialah diubahkan tanggalnya daripada 1hb Januari, 1970 kepada 19hb Mac, 1969. Dengan demikian, walaupun saya tidak masuk ke dalam Dewan ini, saya akan mendapat juga. Begitu juga kepada kawan-kawan yang telah berjuang semenjak tahun 1969, tetapi tidak masuk kepada pilihanraya tahun 1969, mereka, saya rasa, akan berdoa supaya dipanjangkan umur Peguam Negara kita dan digemokkan sedikit, segar-bogar kerana doa mereka itu telah dikabulkan dan saya rasa ini satu penghargaan Kerajaan kepada mereka yang berjuang.

Ada Menteri-menteri yang sekarang tidak menjadi Menteri lagi, ada beberapa orang Ahli Parlimen yang sekarang tidak menjadi Ahli Parlimen lagi, mereka akan mendapat peruntukan ini, kalau pindaan ini diterima.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di Pertua, sebelum saya duduk, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan kepada Tuan Peguam Negara yang memandang soal ini berat dan saya menyokong pindaan ini.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, saya bersama-sama menyokong Rang Undang-undang ini.

Pada fahaman saya Rang Undang-undang ini ialah satu daripada ingatan Kerajaan bagi membalas atau memberi satu ingatan kepada mereka yang telah berkhidmat, bukan sahaja yang berkhidmat sebagai ahli yang berkhidmat biasa tetapi termasuk dalam kumpulan ini ialah yang menjadi pejuang-pejuang kemerdekaan, dan ini adalah satu ingatan yang sangat kecil daripada kerajaan kepada mereka ini dengan memberi ganjaran dan memberi habuan-habuan tetap pada tiap-tiap bulan setelah mereka ini bersara.

Pada saya ingatan secara memberi wang ini adalah salah-satu daripada ingatan yang baik, tetapi salah satu daripada ingatan yang lebih baik ialah supaya Kerajaan kita berusaha mengadakan satu catitan sejarah kepada mereka yang menjadi pejuang-pejuang kemerdekaan ini. Sehingga hari ini belum ada satu buku catitan sejarah yang betul-betul lengkap bagi mereka yang memberi khidmat, mereka berjuang untuk kemerdekaan tanahair kita dan saya suka hendak sebutkan sebagai Tan Sri sendiri sebagai Yang di Pertua baharu Dewan kita hari ini ialah salah satu daripada pejuang kemerdekaan dan pejuang Malaysia yang jarang diketahui oleh mereka yang daripada golongan jenerasi-jenerasi muda kita. Kerana Tan Sri telah pergi ke Amerika beberapa lama, barangkali mereka yang golongan muda ini telah lupa nama Tan Sri sebagai salah seorang daripada pejuang kemerdekaan bersama-sama dengan bekas Perdana Menteri kita Tunku Abdul Rahman. Pada saya, ini adalah satu ingatan yang besar lagi daripada ingatan secara memberi ganjaran ini ialah supaya Kerajaan kita mengusahakan satu buku sejarah yang lengkap yang dimasukkan di dalamnya nama-nama mereka yang betul ada termasuk di dalam golongan ahli-ahli pejuang kemerdekaan negara kita ini dan ini perlu bagi satu negara yang telah merdeka.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah berucap tadi menyokong pindaan Rang Undang-undang yang saya bantangkan di Dewan ini. Saya akan mengambil ingatan dan Kerajaan juga akan mengambil ingatan atas teguran daripada Yang Berhormat Datuk Nik Hassan

berkenaan dengan cadangannya supaya Kerajaan patutlah menyediakan satu buku sejarah di mana akan dicatitkan segala-nama-nama dan kerja-kerja yang telah dibuat oleh pejuang-pejuang kemerdekaan kita.

Selain daripada itu berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Datuk Abdul Razak iaitu betul juga katanya patut perkara ini tidak dibawa pindaan seperti ini, kerana dengan yang demikian nampak sangat banyak kali, tidak ada kerja lain Parlimen ini asyik meminda satu Undang-undang ialah bagi faedah Ahli-ahli Parlimen.

Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, masa itu perkara ini telah ditimbang, tetapi boleh jadi masa itu tidak difikirkan menasabah, tetapi apakala undang-undang yang lepas itu dibahaskan dalam kedua-dua Dewan ini, saya teringat banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah menegur perkara ini. Hasil daripada tegoran-tegoran itu yang kemudiannya kita pinda, kerana bukanlah orang yang membuat polisi dan juga yang menggubal undang-undang itu boleh dikatakan alim dan tahu ke atas segala-galanya. Walaubagaimana baguspun, macam mana kita teliti sekali pun segala undang-undang itu apabila dibentangkan di kedua-dua Dewan tentu ada teguran-teguran yang membina dan juga akan dipinda, kerana kalau bandingkan bilangan kepala sahaja dalam Cabinet pun 20 orang, Penggubal Undang-undang seorang, Peguam Negara seorang, baharu 22 orang dibandingkan dengan 150 kepala di Dewan Rakyat, 50 orang lebih di Dewan ini tentu ada banyak yang tinggal yang boleh ditegor. Dengan sebab itulah, saya percaya dan berkata di sini pindaan ini bukan sahaja dengan hasrat dan kehendak Kerajaan yang bertanggungjawab, tetapi juga dengan teguran-teguran yang membena dari kedua Ahli Dewan.

Bagi menjawab saudara saya Yang Berhormat Tuan Haji Othman, sebenarnya saya cuma tukang membawa sahaja pindaan Undang-undang ini. Yang sebetulnya, perkara yang besar seperti ini diputuskan oleh Jemaah Menteri. Jadi, segala ucapan terima kasih hendaklah dipulangkan kepada pucuk pemimpin kita dan Kerajaan dan juga Jemaah Menteri, bukanlah saya seorang. Dan juga saya sebagai Peguam Negara cuma boleh menggubal apa-apa yang diputuskan oleh Jemaah Menteri. Kalaulah perkara ini dibubuhkan 1hb Januari, 1970 yang ditetapkan oleh Kerajaan dan Peguam Negara

meminda pula dengan diam-diam sahaja, bubuh 2 tahun kemudiannya tentulah susah keadaan saya pula. Jadi, bukanlah kesilapan daripada Jabatan saya. Walaubagaimanapun, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih ke atas tiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong dengan penuhnya Rang Undang-undang ini.

Ada satu perkara yang hendak disebutkan di sini. Nampaknya walaupun lewat perkara ini, tetapi pada pandangan saya ramai Ahli-ahli yang telah berkhidmat dalam Parlimen yang lama, dalam tahun 1969, ada yang telah bersara, ada yang belum bersara, ada rahmat baginya kerana arrearsnya banyak, Tuan Yang di Pertua, tiga tahun daripada masa itu sampai sekarang.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, untuk penjelasan.

Ahli-ahli yang telah meninggal dunia dan ini dipinda sekarang ini kepada tarikh 19 haribulan Mac, tetapi Ahli itu telah mati pada tahun 1970 dan sekarang dia sudah tidak ada lagi. Adakah dia boleh mendapat hak ini dan anak-anaknya?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, tentu dapat dan tahun 1970 ada arrears pula lagi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama "suatu

Akta bagi meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan, 1957” dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, pindaan ini adalah bertujuan bagi mengelakkan keraguan mengenai tafsiran perkataan “ex-officio member” yang disebutkan dalam Jadual kepada Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 itu. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh melantik Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis daripada kalangan Hakim-hakim yang masih berkhidmat mengikut Perkara 138 Fasal 2 dan Perkara 140 Fasal 3 Perlembagaan Persekutuan. Perlantikan-perlantikan semacam ini tidak boleh disifatkan sebagai lantikan “ex-officio” kerana Hakim-hakim itu dilantik atas nama masing-masing dan bukan atas jawatannya. Oleh itu, Tuan Yang di Pertua, mereka berhak dibayar elaun-elaun sebagai ahli bukan “ex-officio” di samping menerima gaji-gaji dan elaun-elaun mereka sebagai Hakim-hakim. Tujuan sebenarnya ialah bahawa Hakim-hakim yang masih berkhidmat yang dilantik menjadi ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis itu tidaklah patut dibayar apa-apa elaun tambahan kerana mereka ini sedang menerima gaji dan elaun masing-masing sebagai Hakim. Memandangkan kepada keraguan ini maka perlulah dicadangkan sekarang bahawa butiran 1 kepada Jadual Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1972, masing-masing yang menyentuh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (Judicial and Legal Service Commission) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis (Police Service Commission) hendaklah dipinda sepertimana yang terdapat di Fasal 2 (a) kepada Rang Undang-undang ini iaitu dengan menggantikan perkataan-perkataan “excluding an ex-officio member” dengan perkataan-perkataan “excluding an ex-officio member and any member appointed from amongst serving judges”. Dengan pindaan-pindaan ini, Hakim-hakim yang masih berkhidmat tidak akan dibayar elaun tetap sebanyak \$750 sebulan dan elaun mesyuarat sepertimana yang diperuntukkan oleh Jadual kepada Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1972.

Mengenai bayaran ganjaran kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Jadual

kepada Akta Suruhanjaya Perkhidmatan, 1957 tidak menetapkan kepada siapakah ganjaran itu boleh dibayar apabila Pengerusi atau Ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan meninggal dunia semasa memegang jawatan masing-masing. Adalah mustahak sekarang meminda butiran (6) kepada Jadual Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 itu bagi membolehkan dibayar ganjaran itu kepada wakil diri Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya ataupun kepada orang-orang tanggungannya seperti mana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong, sekiranya mereka itu meninggal dunia (kita doakan tidaklah) dalam memegang jawatan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadang supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, mengikut peruntukan yang didapati dalam Jadual kepada Akta Suruhanjaya Pilihanraya berkelayakan

dibayar ganjaran sekadar satu bulan gaji atau satu bulan elaun tetap bagi tiap-tiap tahun perkhidmatan yang genap, apabila ianya berhenti memegang jawatannya sebagai seorang Pengerusi ataupun sebagai seorang Ahli Suruhanjaya tersebut. Mengikut Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan, Ahli Suruhanjaya Pilihanraya adalah memegang jawatannya sehingga ia mencapai umur 65 tahun. Dalam pada itu, Pengerusi atau seseorang Ahli Suruhanjaya mungkin meletakkan jawatannya masing-masing dengan kerana sebab-sebab yang tertentu sebelum mencapai umur 65 tahun. Oleh yang demikian adalah dicadangkan sekarang supaya peruntukan diperbuat bagi membayar ganjaran kepada Pengerusi ataupun seseorang Ahli Suruhanjaya itu sekiranya mereka meletakkan jawatan sebelum mencapai umur 65 tahun.

Tuan Yang di Pertua, mengenai bayaran ganjaran kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya, Jadual kepada Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 tidak menetapkan kepada siapakah ganjaran itu boleh dibayar apabila Pengerusi atau Ahlinya yang berkenaan meninggal dunia semasa memegang jawatan masing-masing. Adalah mustahak sekarang meminda butiran (8) kepada Jadual Akta itu bagi membolehkan dibayar ganjaran kepada wakil diri Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya ataupun kepada orang-orang tanggungannya sepertimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong, sekiranya mereka itu meninggal dunia dalam masa mereka memegang jawatan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di Pertua, saya mengambil peluang bercakap dalam Rang Undang-undang ini di samping itu saya mengalukan Bil ini dikemukakan.

Saya suka hendak menarik perhatian Yang Berhormat Peguam Negara iaitu berhubung dengan keadaan dalam masa pilihanraya. Sebab kesempurnaan pilihanraya ini adalah tergantung pentadbiran Pengerusinya yang sekarang ini Bil telahpun dibawa bagi menetapkan ganjaran baginya.

Saya rasa, Tuan Yang di Pertua, di dalam satu-satu pilihanraya kecil umpamanya walaupun ada pegawai yang bertugas patutlah pada masa yang akan datang ini Penasihat Undang-undang Negeri itu mesti hadir pada hari menamakan calon, sebab pilihanraya kecil biasanya bukan serentak cuma satu tempat dan pada satu ketika. Kadang-kadang berlaku salah pentafsiran di antara peguaman calon dengan pegawai pilihanraya tempatan.

Tafsiran itu mengikut Undang-undang boleh diberi dengan beberapa cara, tetapi pendapat pegawai pilihanraya adalah samar-samar sedangkan dia adalah pegawai yang bekerja berkhidmat sebagai peguam cara bagi seorang calon object atas penghakimannya, maka dia sendiri juga yang menjadi hakim, maka di manakah keadilan ini.

Untuk keadilan Undang-undang, Tuan Yang di Pertua, pada masa pilihanraya kecil hendaklah Penasihat Undang-undang Negeri itu hadir sebagai orang yang boleh menghakimkan satu-satu masalah yang berlainan pendapat.

Dalam mentafsirkan Undang-undang, tentulah kadang-kadang banyak lagi yang perlu atau yang mesti diselenggarakan oleh ahli Undang-undang. Kalau sekiranya Penasihat Undang-undang ada pada masa hari penamaan calon itu tidaklah akan berlaku kesalahan tafsiran di antara pegawai pilihanraya tempatan dengan peguaman calon. Perkara yang dimusykilkan iaitu pegawai pilihanraya juga yang mentafsirkan Undang-undang yang dia bukan berhak boleh mentafsirkan Undang-undang dalam satu-satu pilihanraya. Inilah ingatan saya kepada Kerajaan supaya pada masa yang akan datang ada baiknya dalam masa pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri atau Penasihat Undang-undang Negeri itu hadir sama.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, dalam masa pilihanraya keadaan di bandar tidak sama dengan keadaan di luar bandar. Di luar bandar masa datang mengundi pada sebelah pagi, jikalau didapati kepayahan mengundi, pengundi-pengundi akan balik semula ke rumah masing-masing dan petang akan datang lagi, sebab kekurangan kenderaan, jauh tempat mengundi, kepanasan waktu, tugas di rumah dan lain-lain perkara

yang suri rumahtangga patut buat, menjalankan kewajibannya pada hari itu. Keadaan di luar bandar tidak sama dengan di dalam bandar. Pada hemat saya ada dua perkara yang patut dibaiki oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Pertama hendaklah dibayakkan dalam satu tempat dalam pilihanraya kecil tong membawa undi. Sekarang cuma satu sahaja, kalau 200 orang mesti bergilir-gilir satu, satu, satu: apa salahnya kita letakkan dua tong atau tiga tong atau empat tong umpamanya jika difikirkan patut? Dengan itu akan segeralah orang datang dengan syarat ditambah pegawai yang berkenaan bagi mengelokkannya. Ini kita dapat menjimatkan masa. Pada masa yang akhir-akhir ini, semua pilihanraya kecil didapati kurang pengundi-pengundi datang sehingga baharu-baharu ini pihak pilihanraya sendiri telah mengisytiharkan hendak bertanya pengundi-pengundi apakah sebabnya tidak hadir mengundi dalam pilihanraya kecil. Saya fikir boleh didapati sebab-sebabnya tetapi ini memakan masa, sebab tanggungjawab mengundi ini tidak sebari lagi dengan orang yang jauh kepentingannya dengan politik. Dua perkara ini, saya fikir patutlah pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengambil timbangan.

Akhirnya, saya suka hendak meminta Suruhanjaya Pilihanraya yang pada hemat saya sebelum 13 Mei ada meminta cadangan orangramai, pandangan-pandangan bagi pembaharuan atau perubahan kawasan. Maka sudah sampailah masanya sekarang ini bagi pihak pilihanraya mengkaji masalah itu terutama kawasan-kawasan Negeri.

Pada masa ini kita berdasarkan seorang wakil kepada ramai pengundi tetapi kita menimbangkan seorang wakil itu kepada keluasan kawasan yang dia undi. Umpamanya, di Kuala Lumpur ini kawasan yang paling banyak barangkali Bukit Bintang, tetapi kawasannya tidak begitu luas berbanding dengan satu kawasan yang kurang pengundinya, tetapi kawasan pilihanraya terlampau luas.

Pada masa yang akhir ini pilihanraya diadakan cuma 2 minggu atau 10 hari atau 3 minggu, jadi bagaimanakah keadilan bagi seseorang calon akan menemui pengundi-pengundi dalam kawasannya. Dalam perkara ini, saya mohon pada Kerajaan bagi menimbangkan masalah kawasan pilihanraya. Saya tahu dan saya faham kawasan

pilihanraya Federal umpamanya adalah termaktub di dalam Perlembagaan yang mengandungi 104 kawasan bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, tetapi kalau perlu patut Kerajaan boleh mengkaji samada menambah kawasan Negeri, perkara-perkara yang kecil-kecil yang tidak terlibat dalam masaalah Perlembagaan barangkali kawasan itu patut diperbesarkan, dibayakkan sedikit dan kalau perlu, dibawa dalam Dewan, kerana kepentingan negara, saya fikir boleh dibuat. Inilah harapan saya pada Kerajaan dan saya mengucapkan terima kasih.

Dr Mahathir bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong pindaan Rang Undang-undang untuk memberi peruntukan kepada Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya ini.

Saya percaya bahawa peruntukan ini adalah sesuai dengan kerana sebab-sebab yang telah diterangkan oleh Peguam Negara tadi.

Saya cuma ingin menarik perhatian berkenaan dengan keadaan senarai-senarai pengundi. Kita telah mengadakan pilihanraya-kecil dan umum ini daripada tahun 1955 sehingga sekarang. Tiap-tiap kali kita mengadakan pilihanraya pada hari mengundi, maka terdapatlah keadaan yang mana senarai pengundi-pengundi ini tidak sempurna.

Baharu-baharu ini di dalam kawasan pilihanraya-kecil di Kuala Kedah, kita dapati bermacam-macam perkara yang anih. Umpamanya, ada orang Cina yang bernama Melayu iaitu mengikut kad pengenalannya dan nombornya betul mengikut senarai, tetapi nama orang Melayu itu telah dijadikan nama Cina dan orang Cina pula dinamakan Melayu. Ada kalanya yang orang itu nombor kad pengenalannya betul, tempat duduknya betul, tetapi namanya nama orang lain. Ada kalanya orang yang betul-betul tinggal di suatu tempat tidak ada namanya di dalam senarai walaupun baharu disemak nama itu masih ada. Perkara-perkara yang semacam ini sepatutnya tidak ada lagi oleh kerana kita telah lama di dalam bidang ini dan patutlah kita mengadakan satu sistem yang tidak menimbulkan perkara-perkara yang semacam ini, tetapi perkara ini nampaknya tidak berubah dari satu pilihanraya ke satu pilihanraya. Pendapat saya ialah di dalam pilihanraya-kecil di Kuala Kedah ini senarai ini menjadi lebih buruk. Saya berpendapat

bahawa perkara ini terjadi ialah dengan kerana pendaftaran ini tidak dijalankan dengan sempurna.

Saya faham bahawa kadang-kadang ada ejen-ejen yang pergi mendaftarkan nama-nama ini dan nama-nama ini pula diberi kepada Penghulu dan Penghulu ini pula membuat salinan daripada senarai yang disediakan oleh ejen-ejen ini. Kadang-kadang Datuk-datuk Penghulu ini agak tua sedikit, kurang nampak antara nama dengan nombor dan mereka menulis nombor kad pengenalan lain dan nama orang yang lain, maka terdapatlah keadaan yang mana kad pengenalan orang lain ada nama orang lain pula.

Perkara-perkara yang semacam ini nampak tidak sesuai sama sekali dengan negara yang modern dengan menggunakan computer dan sebagainya. Saya percaya perkara ini dapat diatasi kalau pihak Suruhanjaya mengambil berat berkenaan dengan perkara ini dan mencari jalan untuk mengatasinya, tetapi sehingga sekarang belumlah ada buktinya bahawa ini dapat dibuat. Kalau oleh kerana tidak ada cukup peruntukan, saya percaya bahawa pihak Suruhanjaya ini dapat meminta peruntukan daripada Kerajaan. Kalau tidak ada cukup sistem yang baik, saya percaya kita boleh mencari pakar-pakar berkenaan dengan sistem mendaftarkan pengundi-pengundi. Tetapi apa yang kita kehendaki sekarang ialah satu usaha yang betul-betul bertujuan untuk memperbetulkan senarai ini dapat diperbuatkan.

Juga di dalam masa mengundi banyaklah perkara-perkara terjadi yang cuma membazir masa mengundi. Kita tahu di dalam kawasan-kawasan luar bandar umpamanya, mereka dapat pergi ke tempat mengundi cuma sekali sahaja seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak. Jadi kalau mereka tidak diberi arahan yang baik, maka mereka tidak akan mengundi sama sekali. Satu cara yang dibuat dahulu ialah parti-parti yang mengambil bahagian di dalam pilihanraya ini memberi kepada pengundi-pengundinya satu kad yang menunjukkan nombor dan nama dan senarainya, tetapi sekarang ini nampaknya pula mereka tidak mempedulikan sama sekali tentang kad yang dibawa oleh pengundi ini, tetapi ada pula seorang pegawai yang bertugas untuk mencari nama-nama itu dengan tidak membuat reference kepada kad

yang dikeluarkan oleh parti-parti politik. Ini cuma menambahkan masa yang diambil untuk menjalankan usaha mengundi ini.

Saya percaya kalau sistem yang lama iaitu mengikut kad yang disediakan oleh parti politik ini, ini akan mengurangkan sedikit masa yang diambil untuk mencari nama pengundi itu. Sekianlah sahaja teguran daripada saya dan saya menyokong pindaan yang dibuat di dalam Rang Undang-undang ini.

Datuk Mansor bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, saya suka bercakap sedikit dalam membahaskan Rang Undang-undang ini iaitu satu sahaja.

Saya hendak menyentuh berhubung dengan cara Suruhanjaya Pilihanraya ini mengambil Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran Pengundi tiap-tiap tahun. Amalan ini dijalankan setiap tahun pada masa-masa yang lepas ialah dengan cara melantik pegawai-pegawai Kerajaan, samada daripada kerani-kerani, guru-guru dan juga setengah-setengahnya penghulu-penghulu untuk pergi mendaftarkan orang-orang yang masih belum mendaftar jadi pengundi. Amalan ini, Tuan Yang di Pertua, kadang-kalanya adalah merugikan Kerajaan sendiri, kerana ada setengah-setengah daripada mereka yang dilantik ini tidak menjalankan tugasnya dengan betul.

Yang pertama, ialah kerana kesuntukan masa, mereka ini adalah terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan masa yang mereka boleh berkhidmat ialah selepas masa mereka bekerja di pejabat, kalau masa mereka itu bekerja habis pada pukul 4.00 petang, maka selepas itu baharulah ada masa bagi mereka menjalankan tugas-tugas ini masuk ke kampung-kampung mencari orang-orang yang belum mendaftarkan diri.

Maka ada setengah-setengahnya yang telah tidak menjalankan kerja-kerjanya sebagaimana yang dikehendaki. Mereka hanya sambil lalu sahaja atau sambil lewa sahaja, pergi sekali ke kampung-kampung itu, kemudian balik. Begitulah dengan keadaan-keadaan ini, maka masih banyak ketinggalan orang-orang yang patut didaftarkan, tidak didaftarkan dan orang-orang yang telah berpindah, kadang-kadang dia tanya sekali sahaja, orang ini telah pindah, terus dipotong begitu sahaja dan ada berlaku

bermacam-macam lagi. Ada kelanya pengundi-pengundi itu, dalam pilihanraya, misalnya dalam Pilihanraya Tahun 1964 mereka datang dan boleh mengundi, tetapi dalam Pilihanraya Tahun 1969, bila mereka datang hendak mengundi, nama mereka sudah tidak ada, sudah dipotong dengan tidak diketahui apakah sebab-sebabnya.

Kejadian ini boleh berlaku kerana pegawai-pegawai ini diberi tugas dengan ditentukan satu imbuhan ataupun elaun. Dengan tidak mengira berapa banyak mereka ini dapat mendaftarkan pengundi-pengundi pada tiap-tiap tahun. Kalau dia dapat mendaftarkan 20 orang pun dia akan terima elaun itu. Kalau dapat 100 orang pun serupa juga elaunnya. Inilah kejadian-kejadian yang saya katakan merugikan kepada Kerajaan sendiri.

Telah beberapa kali dibuat rayuan oleh pihak parti-parti politik yang ada di tanah air kita ini, iaitu meminta supaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya menimbang dalam mengambil Penolong-penolong Pendaftaran Pengundi ini eloklah diberi peluang kepada pemuda-pemuda yang baharu keluar daripada sekolah, yang tidak bekerja, diberi tanggungan ini supaya dapat mereka jalkan dengan sepenuh masa iaitu dalam masa yang dihadkan, kalau tidak silap saya dua bulan ataupun tiga bulan dalam masa setahun. Dengan ditentukan imbuhan mereka mengikut jumlah banyaknya bilangan yang mereka dapati, mendaftarkan pengundi-pengundi itu tiap-tiap seorang, maka dengan jalan ini saya rasa *insya Allah* barangkali mereka ini akan berlumba-lumba mendapatkan sebanyak-banyak orang-orang mendaftar menjadi pengundi untuk mendapatkan jumlah elaun atau imbuhan yang akan ditentukan kepada mereka.

Saya berharap supaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan menimbang permohonan ini di masa yang akan datang iaitu memberi kepada orang-orang yang bukan Pegawai Kerajaan, ramai pemuda-pemuda kita yang lepasan sekolah, yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap, mereka ini pada bila-bila masa sahaja, kalau diberi tugas akan menjalankan tugasnya.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan dan saya merayu kepada Kerajaan, khasnya kepada Suruhanjaya Pilihanraya, iaitu di

kawasan saya seperti Selayang Pandang, Selayang Baharu, Sungai Tua, Batu Caves, Selayang, Batu Village dan Segambut, ramai asykar-asykar kita telah mempunyai rumah sendiri dan tanah sendiri dengan pertolongan saya.

Di dalam lawatan saya ke kawasan yang saya sebutkan di atas tadi, asykar-asykar ini merayu kepada saya, iaitu berkenaan dengan mendaftar sebagai pengundi, mereka meminta saya menyampaikan di Dewan ini supaya mereka ini dibenarkan mendaftar di kawasan mereka tinggal, tak macam sekarang mereka terpaksa mendaftar di Pejabat-pejabat mereka masing-masing. Mereka ini lebih suka mendaftar di tempat mereka tinggal, dari mendaftar di pejabat mereka masing-masing. Sebab apabila sampai masa mengundi, mereka boleh keluar membawa isteri-isteri mereka.

Tujuan besar mereka, apabila mereka berhenti dari asykar, mereka sudah pun tahu, bagaimana cara-cara mengundi, mengikut orangramai dan orang kampung. Pada masa ini, apabila masa mengundi mereka tidak payah keluar. Mereka mengundi di pejabat masing-masing dan apabila mereka berhenti jadi asykar kelak, tak tahu cara-cara mengundi dan mereka itu malu, langsung tidak mengundi. Sekianlah rayuan saya bagi asykar-asykar di kawasan saya yang tinggal di luar kem-kem yang mempunyai rumah sendiri dan saya percaya di kawasan lain pun serupa juga.

Maka saya berharap kepada Kerajaan, khasnya Pejabat Pilihanraya akan menimbang cadangan ini.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya percaya perkara yang ditegur oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong Rang Undang-undang ini tadi ialah atas cara-cara dan bukanlah berkenaan dengan kelakuan atau tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya kerana kedudukan Ahli Suruhanjaya Pilihanraya mengikut Peraturan Mesyuarat ialah sama seperti Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agung; tidak boleh disentuh kelakuan, sifat Yang di Pertuan Agung dan lain-lain termasuk Ahli Suruhanjaya Pilihanraya.

Saya memandang, mengingatkan di sini, kalau kita boleh bahaskan atas kelakuan Ahli-ahli ini begitu juga kita boleh bahaskan atas kelakuan sifat Yang di Pertuan Agung dan Raja-raja. Saya percaya tegurannya adalah ikhlas kepada cara-cara membaiki pentadbiran yang ada sekarang berjalan.

Sebenarnya saya mengingatkan lagi, oleh sebab kedudukan itu sama juga seperti Raja-raja, Hakim-hakim dan lain-lain dan juga mengikut Undang-undang yang lama, apakala dilantik, maka kedudukannya itu bebas dan istimewa sampai umur 65 tahun dan kalau Ahli Suruhanjaya itu hendak berhenti, kalau belum sampai 65 tahun, tidak dapatlah ganjaran atau bayaran apa-apa. Ini kita membuat satu Undang-undang membolehkan mereka itu, kalau difikirkan tanggungannya sangat berat sebelum mencapai umur 65 tahun, kalau dia berhenti ada ganjarannya dan pencennya.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob, saya tidak percaya perkara yang tersebut itu boleh ditimbang kerana ada peraturannya dalam Pilihanraya berkenaan dengan cara-cara seorang asykar atau polis ini masuk mengundi, kerana mereka itu masing-masing ada tugas yang tidak boleh meninggalkan tempat tugasnya pada masa mengundi, dan mereka itu adalah berhak mengundi walau di mana juga pun, samada di Pejabat di dalam hutan, dalam kem dan lain-lain, kerana itulah satu peraturan dan saya tidak percaya satu peraturan dibuat supaya mereka ini masing-masing, asykar-asykar itu balik ke tempat mereka masing-masing membawa isteri pergi mengundi, tidak boleh, saya fikir, dapat dilaksanakan.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Datuk Abdul Razak saya mengatakan di sini, tiap-tiap Pegawai Pilihanraya yang duduk, yang menentukan, menerima untuk didaftarkan menjadi calon, mereka itu adalah seolah-olah menjadi wakil Suruhanjaya. Dia telah dilantik, samada dia tahu atau tidak tahu adalah difikirkan dia yang tahu dan mahir dalam cara peraturan pilihanraya, dia bebas. Maka adalah tidak boleh sekali-kali seorang lain walau Penasihat Undang-undang atau Peguam Negara atau lain-lain orang yang ada bersama di situ untuk menasihatkan Pegawai Pilihanraya itu memberi apa-apa keputusan. Keputusannya itu adalah atas timbang-teleknya sendiri

dan atas fahamannya sendiri kerana masing-masing telah diberi kursus, rasa saya, sebelum membuat satu-satu keputusannya dan keputusan itu tidak siapa yang boleh membangkang, melainkan dibawa di Mahkamah sahaja, dibicarakan di sana, dan kalau ada pun peguam-peguam yang lain, peguam pihak yang masuk calon, maka pegawai itu berhak mengatakan yang dia tidak menerima apa-apa hujah loyar-loyar yang ada di sekelilingnya, dia berhak. Keputusannya itu adalah muktamad dan tiada siapa pun boleh menggangunya, walau Peguam Negara sekalipun, maka cadangan itu tidak boleh dibuat.

Berkenaan dengan teguran supaya mem-banyakkan tong membuang undi, itu akan ditimbang.

Berkenaan dengan kajian kawasan pilihanraya, masa ini, report itu rasa saya, kalau tidak salah telah siap, lama sudah, sepuluh tahun dahulu, tetapi dengan sebab timbulnya Peristiwa 13 Mei, segala-segalanya telah tergendala. Dengan sebab tergendala, perkara itu, maka sampai sekarang didapati penyata itu walaupun ada, apakala hendak kita bawakan kepada Dewan Rakyat untuk dibentangkan dalam Parlimen, didapati report-report itu dikatakan out-of-date, sudah lima enam tahun dan tidak sesuai lagi kalau dipandang keadaan yang ada pada tahun 1973. Perkara ini pada pendapat saya tidak lama lagi penyata ini akan dikeluarkan.

Teguran Yang Berhormat Dr Mahathir akan diambil ingatan dan akan disampaikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Teguran-teguran itu, pada pendapat saya, adalah membina dan sangat menasabah. Demikianlah, Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran tadi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

kurang maju melalui pembinaan kilang-kilang di kawasan tersebut terutama sekali kilang-kilang kecil dan juga perusahaan-perusahaan yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan.

Satu lagi siri yang lain mengenai Rang Undang-undang Galakan Pelaburan Tempatan Kedudukan ini ialah bahawa tiap-tiap kawasan yang ditetapkan akan diberikan tempat had waktu yang tertentu mulai daripada tarikh pengistiharan kawasan-kawasan tersebut dalam mana pengusaha-pengusaha akan diberi peluang mengambil kesempatan memohon galakan itu. Peruntukan ini telah diadakan memandangkan kepada kejayaan peruntukan yang sama yang telah dikenakan di dalam galakan pelaburan taraf printis untuk perusahaan elektronik.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini akan memberi hak kepada Menteri yang berkenaan untuk mengenakan syarat-syarat yang dianggap sesuai dalam memberikan Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan.

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sedar bahawa setiap galakan walau bagaimana menarik sekalipun tidak akan menghasilkan penyebaran perusahaan selagi Kerajaan tidak menyediakan kemudahan-kemudahan "infrastructure" di kawasan-kawasan yang diistiharkan sebagai kawasan yang telah ditetapkan. Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang berkenaan akan memainkan peranan mereka dalam menyediakan kemudahan-kemudahan "infrastructure" seperti air, letrik, jalan-jalan raya dan sebagainya di kawasan-kawasan yang telah diistiharkan. Saya yakin bahawa kedua-dua langkah ini, penyediaan "infrastructure" dan Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan akan dapat mendorong pengusaha-pengusaha tempatan dan juga luar negeri melaburkan modal-modal mereka di dalam projek-projek perusahaan yang ditubuhkan di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di Pertua, saya percaya bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini akan memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini yang mana adalah bertujuan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin: Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya berucap dalam bahasan Rang Undang-undang ini. Sebentar tadi, Tuan Yang di Pertua, mengatakan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bekerjasama dengan Tuan Yang di Pertua mudah-mudahan kami akan dapat bekerjasama dengan Tuan Yang di Pertua.

Saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini yang merupakan satu usaha yang positif oleh pihak Kerajaan untuk mengadakan infrastruktur, ekonomi rakyat terutama sekali rakyat di luar bandar. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan dan pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai bapa pembangunan yang mana Tuhan telah memberi pertunjukan kepada beliau untuk mengatasi masalah-masalah supaya diperimbangkan hal keadaan ekonomi rakyat yang tidak berada kepada berada.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini adalah merupakan satu Rang undang-undang yang menggalakkan penubuhan perusahaan dalam satu kawasan tempatan yang difikirkan sesuai terutamanya di luar bandar. Dengan adanya galakan perusahaan ditubuhkan di luar bandar, maka banyakkah masalah sosial dapat diatasi.

Pertama, dapat mengatasi pengangguran.

Kedua, dapat mengatasi jumlah rumah-rumah haram yang tumbuh macam cendawan di bandar-bandar, kerana penduduk di luar bandar semuanya mengambil peluang untuk mencari pekerjaan di bandar-bandar. Dengan adanya undang-undang menggalakkan perusahaan ini di luar bandar, maka rumah-rumah haram itu akan dapat kita atasi.

Ketiga, dengan adanya perusahaan didirikan di luar bandar, maka secara langsung kawasan-kawasan itu telah menjadi bandar dan peluang perniagaan bagi penduduk bumiputra dapat diadakan.

Mengikut keadaan undang-undang ini saya dan juga penduduk di luar bandar menjunjung tinggi atas pandangan Kerajaan terhadap usaha mengadakan perusahaan di luar bandar. Jadi itulah ucapan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Peguam Negara berkenaan pelaburan modal.

Saya yakin dengan adanya Rang Undang-undang ini akan menambah kenikmatan lagi kepada rakyat negara kita, khususnya penduduk di luar bandar dengan lebih tetap saya katakan di negeri saya sendiri iaitu negeri Perlis. Kita sama-sama tahu, dengan adanya perindustrian dan kilang-kilang akan menambahkan lagi pekerjaan-pekerjaan dan dengan ini mengurangkan pengangguran.

Tuan Yang di Pertua, sekarang ini di Perlis telah ada dua buah syarikat perusahaan yang besar iaitu syarikat perusahaan tebu dan kilang simin. Dengan itu juga banyak penduduk Perlis telah mendapat pekerjaan lebih kurang 4,000 orang.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini saya yakin akan menambahkan pembukaan perusahaan lagi di Perlis. Saya berharap sangat kepada pihak Kerajaan iaitu Menteri berkenaan kalaulah ada satu-satu kilang atau satu-satu syarikat atau badan perusahaan yang akan ditubuhkan haraplah disegerakan dan seboleh-bolehnya tolonglah sampaikan ke negeri Perlis, kerana saya yakin bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis tentulah berharap sangat kepada perusahaan demikian.

Walaupun saya contohkan perusahaan tebu itu memakan kawasan tanah seluas lebih kurang 10,000 ekar, begitu juga kilang simin, pihak Kerajaan Perlis sedia membenarkan. Dan saya yakin kalau ada badan-badan perusahaan lain lagi Kerajaan Perlis akan menerima dengan dua belah tangan. Di samping itu saya berharap sangat, sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang saya catit, saya guntingkan siaran akhbar, dan perkara ini saya ingat adalah amat mustahak bagi kita semua rakyat Malaysia, samada pihak yang berada ataupun tidak berada. Siaran akhbar ini telah disiarkan pada 4hb Februari, yang diucapkan oleh Menteri berkenaan iaitu katanya:

“Tiga masaalah pokok yang mesti diatasi oleh sebarang rancangan pembangunan. Pertama, kemiskinan, kedua, pengangguran dan ketiga keadaan yang tidak seimbang”.

Maka dengan sebab-sebab apa yang dikatakan oleh Menteri berkenaan, saya amatlah mengucapkan syabas dan tahniah kepadanya di atas timbangrasa beliau itu kepada segenap rakyat dalam Malaysia kita ini mengapa beliau berkata demikian?

Jadi saya berharap sangat, ini bukanlah saya sengaja berkata dan saya yakin Menteri berkenaan berharap sangat janganlah ada pihak pelabur modal tadi kerana satu-satu tempat itu mudah dicari buruh-buruh ataupun orang-orang hendak mencari kerja dibayar gaji yang samasekali tidak berpatutan.

Saya berharap selain daripada pelaburan modal, daripada kilang-kilang yang kita akan dapatkan pekerjaan-pekerjaan, saya berharap sangat gaji pekerja-pekerja itu biarlah setimbal sekali. Yang saya tahu di negeri saya Perlis, bahan-bahan mentah amatlah baik.

Baharu-baharu ini, Tuan Yang di Pertua, ini bukan saya hendak contohkan tebu, saya contohkan satu dengan mengatakan negeri saya cukup baik, kalau ladang perusahaan, kilang tebu di Perlis yang telah menaikkan satu saham \$1,000 sampai \$3,700 tetapi malangnya kepada pekerja-pekerja tidak pernah lebih daripada \$3.50. Ini sebagai contoh dan saya berharap sangatlah selain daripada banyak pelaburan, banyakkann perusahaan terutama di Perlis, di samping itu sebagaimana kata Yang Berhormat Peguam Negara tadi janganlah dianggap untuk membanyakkann pelaburan kepada satu-satu tempat atau satu-satu negeri itu supaya mudah dapat kerja sedangkan gaji atau pendapatan pekerja kita tidak ditimbangann dengan sewajarnya.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, kalaulah saya ini seorang yang mempunyai pengertian undang-undang dan sebagainya, maka barangkali saya, kalau diberi peluang, saya akan membuat beberapa pindaan kepada Rang Undang-undang ini, tetapi oleh kerana saya tidak berkelulusan undang-undang, maka tidak dapatlah saya hendak buat apa-apa pindaan dalam undang-undang ini.

Saya cuma minta kepada Kerajaan supaya setelah Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan ini dipertimbangann balik dan dibuat satu pindaan yang tertentu dalam masaalah Rang Undang-undang ini.

Apa yang saya suka hendak terangkan, setelah saya menyokong Rang Undang-undang ini, ialah kuasa yang ada yang diberi kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian di dalam Rang Undang-undang ini. Tiap-tiap Fasal yang diberi kuasa kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam Rang Undang-undang ini dikaitkan dengan syarat iaitu syarat mesti mendapat kelulusan, kadang-kala disebutkan di situ kelulusan yang bertulis daripada Menteri Kewangan. Saya rasa ini adalah satu syarat yang mengikat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kita untuk melaburkan pelaburan modal dan kilang-kilang ini ke kawasan-kawasan luar bandar.

Syarat ini tidak harus diadakan dalam Rang Undang-undang ini, kerana Menteri Perdagangan dan Perindustrian hari ini ialah Timbalan Perdana Menteri sendiri. Beliau ialah orang yang bertanggungjawab penuh dalam kemajuan negara, keselamatan negara dan pembangunan negara. Yang Berhormat Tuan Musa Hitam ialah Timbalan Menteri untuk menjalankan tugas Timbalan Perdana Menteri kita merangkap sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Pada saya, kalau sekiranya kita hendak ikat tangan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, maka tujuan Kerajaan untuk memperbanyakkan kilang-kilang, perusahaan-perusahaan, modal-modal luar yang datang ke Malaysia ini keluar daripada Kuala Lumpur, keluar dari Ipoh dan Seremban, saya rasa ini satu perkara yang akan mungkin menemui jalan-jalan yang sangat liku-liku yang boleh menimbulkan berbagai perkara yang saya rasa tidak harus saya sebutkan di sini.

Itulah sebabnya, saya fikir boleh jadi Rang Undang-undang ini di deraf sebelum reshuffle Kabinet kita. Apabila Kabinet kita telah reshuffle, orang yang bertanggungjawab sendiri telah memegang tugas yang penting ini, maka saya rasa perlu bagi Peguam Negara kita membawa balik kepada Kabinet, menimbang balik supaya kita jangan mengikat kaki dan tangan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam memberi bantuan dan sokongan kepada mereka yang ada di luar bandar ini.

Apa yang kita bahas hari ini ialah cuma hendak menentukan kawasan, bukan Kerajaan hendak mengeluarkan wang untuk

memberikan kepada mereka yang ada di luar bandar. Apa yang menjadi kewajipan Menteri Perdagangan dan Perindustrian ialah memilih tempat mana yang patut dijadikan kawasan pelaburan modal, katakanlah di Kelantan, katakanlah di Trengganu, katakanlah di Pahang, Temerloh dan sebagainya, kawasan-kawasan yang belum begitu maju yang ingin kepada kemajuan yang lebih pesat, yang ingin kepada modal-modal luar yang lebih banyak, yang ingin kepada pekerja-pekerja yang lebih. Jadi kalau sekiranya kita ikatkan Menteri Perdagangan dan Perindustrian ini dengan meletakkan syarat tidak boleh diluluskan sekiranya tidak mendapat kebenaran dan kelulusan bertulis daripada Menteri Kewangan, maka saya rasa ini adalah sangat-sangat tidak elok bagi satu Rang Undang-undang untuk pelaksanaan dasar Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baharu.

Saya suka hendak sebutkan supaya Peguam Negara memperhatikan kesemuanya dengan syarat-syarat

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Untuk penjelasan. Sebelum perkara ini berpanjangan saya menerangkan di sini iaitu bukanlah ada salah faham tentang satu Menteri dengan satu Menteri. Undang-undang ini sememang dibuat demikian, walau siapa pun yang menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian walaupun Perdana Menteri sekalipun begini juga, yang diadakan mesti ada kelulusan Menteri Kewangan, kerana tiap-tiap kawasan yang dibuka untuk ini kalau tidak dijaga akan mengenai "cause erosion of the base of the income for the Treasury" akan menyurutkan pendapatan hasil kepada Kerajaan. Kerjasama antara dua mesti ada. Ini sememang dibuat secara ini dengan persetujuan Kerajaan telah ditimbangkan sehalus-halusnya.

Itulah penerangan yang saya hendak jelaskan, kerana incentive ini sebenarnya yang terok sekali ialah Treasury. Jadi, kedua-dua itu hendaklah seimbang. Itulah sebabnya diadakan persetujuan kedua-duanya mestilah ada baharu boleh dibenarkan. Itulah yang saya hendak terangkan, sebagai Peguam Negara.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, kalau Menteri Perdagangan dan Perindustrian bersetuju dengan Menteri Kewangan supaya berkongsi kuasa,

bagi saya tidak adalah apa-apa tegoran dengan undang-undang ini, cuma tegoran saya dalam Dewan ini ialah untuk mengingatkan kepada kedua-dua Menteri itu supaya di satu masa nanti tidak timbul masalah orang di Tanah Merah hendak adakan satu kawasan di Kelantan sebagai tempat pelaburan, Tuan Musa Hitam telah pergi tengok ini patut dibuat, tetapi Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin kata nanti dahulu Tuan Musa mesti tunggu approval saya secara bertulis. Apabila tidak ada cara bertulis, maka kata orang Tanah Merah di Kelantan Tuan Musalah yang tidak baik, kerana tidak hendak meluluskan perkara yang dimintanya itu. Jadi janganlah perkara-perkara seumpama ini bebannya kena kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian kerana Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada zahirnya ialah mereka yang bertanggungjawab dalam perkara pelaburan.

Pada zahirnya, kepada rakyat umum, tidak kepada Menteri Kewangan. Kalau sekiranya perkara ini diterangkan kepada rakyat menyatakan Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian bersetuju hendak berkongsi kuasa, kepada saya elok sangatlah tidak menjadi masalah lagi dan rakyat umum pun tahu. Kalau sekiranya Menteri Perdagangan dan Perindustrian tidak lulus, maka bukan kerana Menteri Perdagangan dan Perindustrian, tetapi juga Menteri Kewangan. Barangkali dua-dua tidak lulus. Jadi tidaklah salah di antara satu yang menimbulkan satu-satu masalah itu.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di Pertua, mula-mulanya saya tidak bercadang hendak bercakap di bawah Rang Undang-undang ini, tetapi oleh kerana rakan saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan menimbulkan satu perkara yang agak saya patut juga saya mengambil bahagian, kerana saya ada pengalaman prektik dari segi ini.

Saya bersetuju dengan Peguam Negara mengatakan patutlah Menteri Kewangan mengetahui kedudukan pelaburan di negara kita ini kalau kita hendak kaitkan dari segi galakan pelaburan modal ini.

Tetapi apa yang ditimbulkan oleh Datuk Nik Hassan itu ada kaitannya begini: kerana diperlukan dua orang Menteri membuat keputusan, jadi selalu apa yang berlaku ialah kelambatan. Saya tahu banyak perkara yang

boleh saya katakan. Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah meluluskan satu permohonan itu. Saya tahu pihak FIDA umpamanya bekerja kuat dan kadang-kadang mereka meluluskan satu permohonan itu dalam tempoh satu bulan, kadang-kadang kurang daripada satu bulan. Tetapi perkara ini terpaksa dirujuk pula kepada Perbendaharaan. Dalam pengalaman saya nampaknya bila sampai kepada Perbendaharaan, maka masa yang diambil oleh pihak Perbendaharaan itu agak panjang sedikit.

Rasa saya ini tidak seimbang, seorang Menteri kata kita boleh meluluskan dengan cepat, tetapi bila sampai masa hendak melaksanakannya, kena tunggu berbulan-bulan. Ada perkara-perkara yang saya boleh terangkan, kalau perlu, yang mana pelabur-pelabur daripada luar negeri kadang-kadang sudah bosan menunggu. Dia kata macam mana ini, seorang Menteri kata sudah lulus, yang ini kata tunggu dahulu, kerana belum dapat keputusan. Rasa saya berapakah baiknya kalaulah ada pakatan di antara dua orang Menteri itu bagaimana mereka boleh meluluskan permohonan itu dengan cepat. Dan di sini nampaknya bukannya seorang sahaja Menteri hendak meluluskan, ada dua orang. Kadang-kadang bukan Menteri yang salah, barangkali perkara itu banyak sangat yang hendak diselidikan, jadi pegawai-pegawai itu tidak cukup. Jadi barangkali seorang Menteri kata, sudah ditentang pula oleh seorang Menteri yang lain, tetapi akhirnya kedua-duanya bersetuju. Itulah saya minta kalau dapat bila perkara yang semacam ini timbul, perkara ini dirujuk kepada Kementerian Kewangan, dapatlah pihak Kementerian Kewangan mengkajikan dengan seberapa cepat, kerana bukan sahaja menjatuhkan nama baik Menteri, tetapi juga nama baik negara kita.

Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di Pertua, terima kasih.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada keempat-empat Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan pandangan-pandangan mereka itu, khasnya daripada kedua-dua tegoran Datuk Nik Hassan dan juga Tuan Kamarul Ariffin.

Sebenarnya perkara yang saya sebutkan tadi ialah pindaan undang-undang ini

mengenai perkara tax relief atau kelepasan cukai. Dengan sebab pindaan akan bersangkutan-paut dengan kelepasan cukai sehingga 10 tahun, dengan sebab itulah tiap-tiap kali itu ada dibubuhkan tanda di situ. Boleh dikatakan kerjasama atau pekerjaan kedua-dua Kementerian itu mesti diadakan sebelum satu-satu kawasan itu diistiharkan kawasan yang kita kata kawasan yang dicadangkan dalam undang-undang ini.

Tetapi walaubagaimanapun, saya tidak percaya ada banyak kebimbangan atas perselisihan dalam perkara ini, kerana kita sedar iaitu Kementerian itu adalah bekerja sebagai satu badan dan satu anggota, kalau ada perselisihan, boleh dibawa kepada Jemaah Menteri yang mana Perdana Menteri akan memberi keputusan. Janganlah Ahli Yang Berhormat bimbang sangat iaitu pertelingkahan ini yang memang saya sedar. Kebimbangannya ialah pertelingkahan kedua-duanya itu, kalau ada dan berpanjangan, yang rugi ialah rakyat di desalah. Pandangan itu memanglah pandangan yang baik dan kita sedia mengambil tindakan.

Tentang gaji, Yang Berhormat Tuan Shaari Jusoh ada mengatakan. Nampaknya Yang Berhormat Tuan Shaari Jusoh ini berkehendakkan sangat industri-industri dan kilang-kilang pergi ke Perlis, tetapi gaji \$3.50 sehari katanya murah sangat. Kita mesti ingat tujuan orang hendak berniaga atau mendirikan kilang dan lain-lain, yang pertama mencari untung, bukan semata-mata hendak beri kerja di kawasan itu dengan gaji besar. Sambil mencari untung, dia memberi kerja kepada pekerja-pekerja di kawasan itu dengan gajinya yang menasabah. Kalau dahulunya, misalnya di Perlis ada 20,000 pemuda yang tidak bekerja. Masa ini baharu hendak mulakan perusahaan gula itu, belum keluar setitikpun, gaji \$3.50 sehari sudah ada jeritan Wakil Rakyat mengatakan murah sangat. Kalau jerit yang macam ini selalu sangat dibuat, jangan salahkan ahli industri tidak pergi ke Perlis, kerana banyak kawasan lain yang ramai penganggor sedia menerima gaji \$3.50 sehari. Saya menyatakan dengan ikhlas.

Biarkan benda itu berjalan dahulu, kalau saya sekalipun membuka industri di situ hendak mencari untung. Ini cuma syer naik \$3.70 daripada \$1, tebu belum ditanam, apa ada kena-mengena tentang keuntungan? Itu satu misalan yang saya terangkan, yang saya

faham. Walaubagaimanapun pihak Kementerian memandang perkara ini. Tidaklah maknanya kita aniaya atau diberi gaji yang berkurangan sangat. Tetapi saya menasihatkan kalau ada satu-satu kumpulan pekerja, misalnya di ladang-ladang seperti perusahaan gula dan tebu itu, kalau pekerjanya ramai tiga empat ribu orang, adakan cara ikut undang-undang, adakan sebuah kesatuan supaya dapat kesatuan itu berunding dan berlawan dengan majikan minta dapat gaji yang menasabah. Itu cara yang tepat sekali. Bagaimana juga kita hendak satu-satu benda, dibawa dalam Parlimen dengan suara ramai diputuskan. Begitu juga pekerja-pekerja. Tetapi kalau tidak ada kesatuan, harapan Ahli Yang Berhormat menjerit dalam Parlimen ini tidak ada harapan banyak. Itulah, Tuan Yang di Pertua, yang dapat saya terangkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERINDASTRIAN KAYU MALAYSIA (PERBADANAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, saya akan bercakap dalam Bahasa Malaysia dan mohon izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menubuhkan dan menyusun semula Lembaga Perindustrian Ekspot Kayu Malaysia yang ada sekarang ini untuk menjadi satu badan kebangsaan yang lebih kuat dan lebih berkesan. Lembaga baru ini diberi nama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Lembaga yang akan diganti, telah ditubuhkan di bawah Akta 1966 dan menjalankan tugas-tugasnya sebagai sebuah Lembaga bersama dengan negara Singapura tetapi tidak termasuk negeri-negeri di Malaysia Timur. Lembaga baharu yang akan ditubuhkan di bawah Rang Undang-undang ini akan pula meliputi sekitar Malaysia dan akan ditugaskan untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam keseluruhan perindustrian kayu; mengikut rupa keadaan di negara ini amnya dan di negeri-negeri khasnya. Tujuan utama bagi Lembaga baharu ini ialah untuk menggalakkan pembangunan perindustrian kayu untuk menjadi sebuah perindustrian yang modern dan lebih dinamis.

Bentuk dan garis-garis kasar Lembaga baru ini akan membolehkannya memberi pimpinan dan daya utama yang perlu kepada keseluruhan perindustrian kayu dalam menyelesaikan masalah-masalahnya dengan cara, apa yang saya akan panggil, "integrated approach" terhadap pembangunan perindustrian kayu. Ini berkehendakkan kesan-kesan dan penyelarasan yang rapat (interaction and co-ordination) di antara pemasaran, sebagai satu perkara yang penting, dan pembangunan barangan, penyelidikan perbagaian dan industrilazasi untuk membolehkan bahan-bahan mentah, supaya digunakan dengan lebih baik dan berhasil dan disesuaikan dengan peluang-peluang pemasaran yang sudah terdapat pada masa sekarang, dan yang akan timbul pada masa hadapan. Dengan kata lain: "This involves the interaction and close co-ordination of marketing, as a vital feature of the development strategy, with product development, research, diversification and industrialisation to enable the pattern and direction of our resource development to be better integrated to the present and potential market opportunities that can be taken advantage of. In this way we can ensure that our timber resources will progressively be more and more fully utilised".

Dalam strategi "integrated approach" yang telah saya sebutkan tadi adalah

mustahak bagi kita meluaskan kuasa dan menambahkan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Lembaga yang baru ini. Itulah sebabnya, Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Lembaga yang baru untuk menjalankan tugas-tugasnya, bukan sahaja dari segi aspek-aspek perdagangan dan ekspot tetapi juga dari segi pembangunan industri amnya. Lembaga ini mestilah bertanggungjawab bukan sahaja atas usaha mengeluarkan kayu balak dan kayu yang digergaji, tetapi juga atas pembangunan barang-barang kayu keseluruhannya termasuk kayu lapis/veniar (plywood dan veneer) papan serpih (particle board) papan gentian (fibre board), cebis kayu (wood chips) dan kayu kisar (ground wood).

Tuan Yang di Pertua, tentu ada mereka yang bertanya mengapakah kita bersusah-payah menyusun semula bentuk Lembaga Perindustrian Kayu ini apakala perindustrian kayu sekarang ini boleh dikatakan sedang berjalan dengan cukup baik, seperti terbukti daripada kenaikan ekspot kayu balak, kayu yang digergaji, kayu lapis dan veniar. Saya tidaklah menafi bahawa perindustrian ini telah berjalan dengan begitu pesat, sehingga menjadi sumber pendapatan ekspot yang ketiga besarnya di dalam negara ini. Tetapi kemajuan tidaklah boleh menutupkan mata daripada beberapa kelemahan asas yang mungkin menyebabkan kemunduran di dalam perindustrian kayu pada masa hadapan. Jika tindakan yang tertentu tidak diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini, industri ini akan hilang momentumnya atau tertinggal kebelakangan, dan akan terbelenggu kepada hanya tingkatan kemajuan yang ada pada sekarang ini. Saya tidaklah boleh membiarkan perindustrian kayu ini terperangkap dalam keadaan kekurangan kecekapan yang akan membawa akibat socio-economic bertentangan dengan tujuan Dasar Ekonomi Baharu yang telah dizahirkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, the Malaysian Timber Industry has developed no doubt, under generally buoyant market conditions. While such conditions have elicited a rapid response in production, they have also tended to create apathy and a somewhat lack of concern in pushing for new and more progressive market development to obtain the best benefits for the industry. This

in turn has led to an unfortunate stagnation in the dynamics of industrial management and a lack of innovation in the improvement of standards and techniques. It has also jeopardised the rapid diversification of manufacturing into new and more promising lines and products.

To illustrate my point, Mr President, let me depict the profile of the sawmilling industry of West Malaysia. It has an estimated capital investment value of \$60 million, an employment of some 25,000 people and an annual export value of over \$200 million. This industry has established itself, no doubt, and has expanded rapidly since 1968 in response to world demand for Malaysian wood products.

Investigations into the structure and efficiency of this industry have, however, revealed that its expansion has not been accompanied by modernization, and that many of the defects of the original structure persist even today. These investigations clearly point to the fact that the sawmilling industry is not operating to the best economic advantage of West Malaysia and that it is not utilising its resource base to maximum advantage.

A stage in the development of the industry has been reached at which a major readjustment of values and attitudes is necessary, if this industry is to survive the challenges and meet the opportunities which so obviously wait in the future. A new injection of vitality is necessary; a new structure is required. Modern concepts of industrial management and production economics must be applied to what is now a virtually stagnant situation.

At the present point of time, the sawmilling industry lacks cohesion and strength, and although in aggregate, it is large, comprising some 477 operational mills, and its overall export performance is impressive, it cannot be regarded as either dynamic, progressive or even healthy. A major change is vital if this industry is to expand to its full potential and establish itself as a permanent long-term industrial activity with all the benefits of permanent employment and economic diversification.

The weakness of this industry is amply reflected in its low value yield. On the average only 55% of the timber sawn is of

exportable grade; the domestic market is saturated with low quality badly sawn timber and an excessively high proportion of this is wasted. About 65% of our export is dependent on only 104 of the 477 sawmills, showing that 3/4 of our sawmills are not as active as we expect them to be. To show again their weakness, only 18% of our sawmills have breakdown saws which are regarded as adequate. Virtually all the resaws used within the industry are undersized and underpowered and only a handful of mills are designed for high speed, high quality production at minimum cost.

Traditional attitudes towards the production of sawn wood are now creating a problem which must be overcome, if the industry is to survive as a major contributor to the world timber economy in the face of increasing international competition.

Indeed, the future development and fuller utilisation of timber resources require a progressive adjustment by industry towards the increasing use of not only the best quality logs but all other commercially viable timber. The evaluation of the forest resources of the country indicate that it has considerable potential to support not only the existing industries but a significant increment in new processing capacity. Although we have this potential available, the industry must nevertheless recognise that this potential is not there if it means only creaming off the forest of its best quality timber. Even with the large potential of timber resources we have now, I cannot guarantee that all timber industries can survive. I can only, however, say that whether particular industries can survive or not depend very much on their response to new more exacting conditions. Some relocation is probably necessary to enable industries to be closer to their sources of logs supply—for example, a movement to the East Coast. Industries will have to get over the idea that logs will be there for their picking and that they will do with nothing less than the best logs. The sooner industries face up to this fact the better. And the ones that survive will be the ones that begin, if they have not already done so, to reorientate and adjust their production processes to include the use of a wider range of species and smaller diameter logs.

I am aware, of course, that many technical and marketing problems remain to be solved

in the processing of smaller sized and somewhat defective logs, and in the use of species which are currently of marginal acceptance in the market; for not only must utilisation be more effective to reduce costs, but processing must become increasingly refined and efficient to generate greater value added to the industry. The trend towards such secondary and finer production has already started with the further manufacture of rough sawn timber into kiln dried fine sawn boards, planed boards, mouldings, tongue and grooved timber, door lippings, framings, furniture component parts and speciality items. This trend must be expanded and accelerated to make fuller use of our timber resources. The Government stands ready to give its backings and assistance for greater efforts in this direction.

Our forest inventories have shown that substantial volume of commercially usable wood remain available throughout West Malaysia, the utilisation of which requires a more professional approach to manufacture, product diversification, modernisation of processing and the phasing out of industries of non-economic units with new, modern processing plants of more economically viable size and sited at strategic locations close to the source of supply.

This metamorphosis of the industry from a relatively stagnant low value production process into a high value, diversified, professionally managed and dynamically progressive sector of the national economy is, of course, a matter of national concern, for without such a change it will not be possible for the country to maximise the returns from one of its most valuable and what is more important, renewable assets.

The magnitude of the opportunity available to those who are prepared to modernise is illustrated by the fact that detailed analysis of very comprehensive data confirm that the total supply of wood to industry in West Malaysia can be doubled on a system of long-term sustained yield management of the forests. The effect of this increased log flow would be to expand the total employment within the forest based industries from its present level of 35,000 to 55,000 people; this in turn would give a total of direct and generated employment opportunities in the region of 70,000 people.

Setelah kita menyelidiki perkara am hutan kita dalam negeri ini, kalau sahajalah kita dapat menguruskan kekayaan ini dengan sistem yang berpusing dengan tentu tempohnya supaya kekayaan hutan ini akan dapat berganti-ganti, maka peluang yang akan timbul daripada itu ialah akan dapat memberi penambahan pekerjaan daripada yang ada 35,000 orang sekarang ini kepada 55,000 orang. Dengan pekerjaan-pekerjaan lain yang boleh timbul daripada kegiatan ini saya fikir peluang pekerjaan dapat ditambah sehingga 70,000 orang.

If the industry is to accept this challenge of gearing to a greater flow of wider species of logs, it must become strongly export-orientated and highly efficient. This will require substantial investment into machinery and equipment, which is designed to produce the required results. In illustration of the magnitude of the task facing the industry to modernise itself and to build up its manufacturing capacity to the level required, it is estimated that a sum of about \$100 million a year will be required to be invested in logging equipment and production machinery over the next 20 years. This will, of course, create an entirely new industrial base which will be capable of maximising the export trade in manufactured wood products with a resultant foreign exchange earning capacity of over one thousand million dollars per year.

The above facts point to the enormous potential of the forest sector of Malaysia and the prominent role which this sector could, if effectively developed and restructured, play in the promotion of national growth and the attainment of national goals.

As I mentioned, any major expansion of processing must be heavily export-orientated in view of the relative limited absorptive capacity of the domestic market. Any massive expansion must, therefore, be based on sound and aggressive marketing if Malaysia is to succeed in attracting international interest in, and the acceptance of, her manufactured wood products.

Melihat rupa keadaan yang boleh kita buat di dalam perusahaan kayu ini kita telah menaksirkan bahawa sekurang-kurangnya dalam 20 tahun yang akan datang \$100 juta satu tahun akan diperlukan untuk mem-baharui atau memodernkan perusahaan kayu-kayu kita di sini. Tetapi kita percaya ini

adalah satu penanaman modal yang cukup baik, kerana apakala perusahaan kayu-kayan ini telah disusun semula, maka kita akan dapat pertukaran wang sekurang-kurangnya \$100 juta setahun daripada perusahaan kayu kita ini. Oleh sebab seperti saya katakan tadi kita tidak dapat mengembangkan perusahaan kayu-kayan kita kalau harapan hanya kepada pasaran dalam negeri ini. Tujuan kita dalam memperkembangkan perusahaan kayu-kayan kita mestilah untuk mengexploitkan ataupun mengambil sepenuhnya peluang daripada pasaran luar negeri. Ini bereti segala susunan semula di dalam perusahaan kayu-kayan kita mestilah menimbangkan langkah-langkah hendak membuatkan perusahaan kayu orientasi kepada export.

Marketing, therefore, must be planned side by side with modernisation of the industries. I would even say that market planning and industrial modernisation should be treated as two integral parts of the same endeavour to put the Malaysian timber industry on sound footing. Reliability of standards of manufacture, equality of product, contractual performance by producers, ability to meet shipment deadlines, the identification of market opportunities, sales promotion and the negotiation of sales are all essential aspects of the total marketing drive.

This is yet another major area in which the wood-based industries of Malaysia as a whole are at a distinct disadvantage and therefore require greater efforts to make up for the present limited experience.

Fortunately, the prospects and market opportunities for Malaysian wood products are very high, as world consumption of wood products and as housing and industrial activities continue to expand at a rapid pace. This prospect would no doubt be enhanced if Asia were to enjoy a period of peace after the Vietnam ceasefire.

But, unfortunately, the industry is characterised by serious short-sighted outlook on marketing. Although new attitudes are emerging among the more progressive producers, these have not yet had any positive impact on the overall situation. The small medium size producers in particular have little knowledge of the trade and lack the appreciation to apply a properly-integrated approach to marketing.

The generally buoyant market conditions which are responsible for the growth of the industry have tended to create an air of complacency in the industry and the trade resulting in the existence of a serious lack of co-ordination. There are indications that the taking of orders is not scrupulously geared to capacity to supply. There is also evidence of price undercutting and cut-throat competition with the result that foreign buyers are able to take advantage by playing one seller against the other, to the detriment of the trade and the industry as a whole. Lack of coordination and conflicting trade practices have not infrequently been compounded by failures to adhere to quality standards and contract performance. Such practices run counter to efforts to establish Malaysia's image in the world markets and must be corrected. Furthermore, they have contributed to weakening the Malaysian Market, making it unstable and uncondusive to long-term market arrangements. Consequently, the Malaysian market becomes more susceptible to shocks and short-run market forces, and this becomes particularly telling in times of falling market demand, as could be seen during the depression of the Japanese market in 1971.

All told, it demonstrates quite clearly that the industry and the trade must not be contented to accept market conditions lying down. They have to strive for greater responsibility and discipline in the market and to exert more initiative to attain greater stability in market outlets as well as to broaden market opportunities so as to build more resilience against shifts in market forces.

The industry, I am sure, is aware of the benefits and advantage to be gained from a more effective cohesion of interest and the eradication of undesirable practices. But it appears to be wanting in determination to take positive action on a broad front. This inadequacy, I am afraid, is also detected in the trade association. In their present form, they seem to have little impact on the marketing of wood products, nor do they attempt to provide effective advisory services to members, far less to improve export quality and trade practices by responding constructively to complaints from overseas clients. Neither do they fulfil any functional coordination of interests among members and within the industry. Thus, individuals and

tidak ada sebabnya saya akan melonggarkan keputusan yang telah saya berikan itu.

Saya minta maaf tidak dapat menjawab dengan panjang lebar atas soal ini, saya fikir untuk bahasan yang ada pada hari ini jawapan-jawapan yang telah saya berikan memanglah cukup memuaskan dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan berpuashati atas penjelasan yang telah diberikan itu. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 44 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Ketiga diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

PENGUMUMAN YANG DI PERTUA

ALLAHYARHAM SENATOR MOHD. HANIPAH—KEMATIAN

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Majlis ini ditangguhkan, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri bersama saya bertafakkur selama seminit untuk menghormati Yang Berhormat Allahyarham Senator Mohd. Hanipah bin S. Alaudin yang meninggal dunia tidak lama dahulu.

(Ahli-ahli bertafakkur selama seminit).

Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga ke satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

firms are left entirely to their own devices in marketing as well as product development.

Unfortunately, too, Sir, the Malaysian Timber Export Industry Board, as presently constituted, has not been very successful in playing its advisory role, far less to exert its proper impact to achieve the necessary regulation, promotion and advancement of the trade. In short, the Board provides a mere mechanism for consultation and advice, but is inadequately equipped to follow up with the necessary action.

It is in the context of the numerous problems surrounding the trade and the industry and the inability of existing mechanism to undertake corrective action, that the Government is seeking to re-constitute and strengthen the Board and to equip it with the necessary powers and functions to make it more action-oriented. I myself and my Ministry will assume the responsibility and role to provide the Board with any additional facility as it may require and to ensure that it will discharge its responsibilities effectively.

Tuan Yang di Pertua, Lembaga baharu ini akan terus berjalan sebagai jentera perunding di antara pihak perindustrian dan perdagangan dengan Kerajaan dalam usaha bersama untuk menyelesaikan masalah-masalah dan dalam usaha menyusun langkah yang perlu diambil untuk kebaikan perusahaan kayu. Lembaga tersebut akan juga diberi kuasa yang baru memainkan peranan yang langsung untuk mengadakan pembangunan perdagangan dan perindustrian keseluruhannya di bawah strategi integrated approach seperti yang saya telah sebutkan tadi.

Dari itu Lembaga yang tersebut akan berusaha menyelaraskan kegiatan-kegiatan perdagangan kayu dan akan membetulkan kedudukannya di dalam perusahaan kayu. Ianya akan menggalakkan tatatertib dan koordinasi yang lebih berkesan dan menghubungkan tujuan perdagangan dengan pengawalan mutu, penunaian perjanjian dan amalan-amalan pemasaran untuk mempertahankan dan meninggikan lagi imej Malaysia, sebagai pengeluar barang-barang kayu yang boleh dipercayai dalam pemasaran antarabangsa. Untuk mengadakan tatatertib dan kawalan yang cukup ketat, Lembaga tersebut akan diberi kuasa yang perlu, untuk

memeriksa, mengawas dan menguatkuasa pemeringkatan (grading). Perkhidmatan-perkhidmatan penasihat yang bersangkutan hendaklah diperbaiki.

Lembaga tersebut akan mengadakan inisiatif dan pimpinan-pimpinan yang perlu, dalam usaha-usaha menggalakkan pemasaran yang lebih meluas dan intensif. Ia akan menubuhkan satu bahagian yang dinamakan "Market Intelligence Unit" untuk mengadakan maklumat-maklumat hasil penyelidikan sebagai landasan merancang dan bertindak.

Lembaga tersebut akan juga berusaha untuk menjalinkan hubungan perdagangan, membuka dan mengatur saluran-saluran pemasaran yang lebih berkesan, khususnya untuk menyokong dan membantu usaha-usaha pengeluar-pengeluar kecil. Misalnya ia akan menyelaraskan keperluan perkhidmatan perkapalan supaya mendapatkan syarat-syarat yang lebih baik dan untuk mendapatkan keadilan, terhadap cukai dan sekatan perdagangan (other tariff barriers) yang tidak patut daripada negara-negara pengimpot barang-barang kayu, Lembaga tersebut akan bertindak untuk mengadakan perkembangan pembangunan (Product development) dan perbagaian (diversification) dengan sokongan yang perlu dari perkhidmatan penasihat teknikal yang akan ditubuhkan. Perkhidmatan ini akan juga membantu dalam membaiki cara-cara dan kecekapan dalam pemasaran dan pemerosesan kayu. Ia akan memberi tumpuan yang istimewa kepada masalah-masalah pengeluaran dan penyatuan (consolidation) industri-industri yang kecil yang kontex asas perindustrian yang lebih integrated dan cekap untuk negara ini.

Mengambil pengalaman dari Lembaga lama, yang telah bergantung berat kepada perwakilan dari sektor swasta, Kementerian saya telah mengambil keputusan hendak memperkuatkan peranan Kerajaan dalam Lembaga baru ini dengan menambahkan wakil-wakil sektor awam menjadi anggota. Ini akan memberi Lembaga tersebut kuasa-kuasa yang perlu dan menentukan supaya Lembaga itu akan menunaikan tugas-tugas berat yang telah diamanahkan kepadanya.

Adalah dicadangkan bahawa Lembaga yang baru ini akan mengandungi sekurang-kurangnya 16 orang Ahli dibandingkan dengan 11 orang yang ada dalam Lembaga lama, dan jumlah wakil-wakil Kerajaan ditambah daripada 2 kepada lebih kurang

10 orang. Wakil-wakil Kerajaan ini akan termasuk wakil-wakil daripada negeri Sabah, Sarawak dan sekurang-kurangnya 3 buah negeri-negeri yang lain. Sektor swasta akan diwakili dengan ahli-ahli yang akan dipilih daripada tiap-tiap Persatuan Kayu yang diiktirafkan, dan juga dengan 3 orang lain yang mewakili kepentingan perindustrian kayu. Semua perlantikan-perlantikan akan dibuat oleh Menteri. Setengah-setengahnya daripada cadangan-cadangan yang dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persatuan-persatuan Kayu. Dengan adanya bentuk keanggotaan ini, saya yakin kita akan dapat mengumpulkan satu pasukan yang berkebolehan dan berdedikasi untuk memandu Lembaga baharu ini ke arah yang menjadi tujuan Rang Undang-undang ini.

Dalam melaksanakan maksud Rang Undang-undang ini, saya sedar bahawa kita terpaksa menjalankan perimbangan (balance) dan pandangan luar (perspective) supaya dapat menyatukan berbagai kepentingan beberapa pihak di dalam perdagangan dan perusahaan kayu. Adalah juga mustahak bagi kita memberi perhatian berat kepada tingkatan pembangunan di Sabah, Sarawak dan Malaysia Barat yang sekarang ini ada berlainan dan semua tindakan-tindakan akan berasas kepada pertimbangan atas masaalah-masaalah yang terdapat di negeri-negeri tersebut. Walaubagaimanapun pada amnya, sebahagian besar daripada perbekalan dalam Rang Undang-undang ini dapat memberi faedah yang cukup luas di sekitar negara kita. Misalnya mengukuh tatatertib, merapatkan co-ordinasi dalam perdagangan dan perindustrian, mengenal dan mencari pemasaran, (market identification and promotion) memberi bantuan untuk membaiki kecekapan dalam bidang membalak atau memproses kayu adalah berfaedah besar kepada semua negeri yang ada mempunyai hutan. Adalah diharapkan Lembaga ini akan menubuhkan pejabat-pejabat rantawan (Regional Offices) atau yunit khas yang perlu untuk mengadakan hubungan yang sempurna dan co-ordinasi di seluruh Malaysia. Sudah tentu Lembaga ini akan menggunakan tenaga-tenaga daripada Badan-badan dan Pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan samada dari sektor awam atau sektor swasta untuk menentukan supaya tujuan-tujuan Rang Undang-undang ini akan dapat dicapai dengan cara yang sebaik-baiknya.

Saya percaya dengan sokongan dan minat semua orang yang berkenaan perindustrian kayu boleh mengadakan sumbangan yang lebih lagi kepada kemajuan dan pembangunan negara kita ini dalam masa yang akan datang.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di Pertua, saya mengambil peluang bercakap dalam Bil ini beberapa perkara yang saya bantangkan saya mohon pertimbangan Yang Berhormat Menteri dalam masa saya mengalu-alukan Bil ini dengan tujuannya untuk memperkemas Lembaga yang baru ditubuhkan ini iaitu mengatasi masaalah-masaalah, kesulitan-kesulitan yang ada pada Lembaga dan cara mengemaskan ini saya fikir ada jalan yang baik kerana selain daripada usaha untuk mengekalkan mutu kayu, patut juga usaha untuk menetapkan harga kayu yang akan menjadi tanggungjawab dan tugas Lembaga ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat faham kayu adalah hasil yang ketiga dalam negara kita sekarang ini dan selain daripada menetapkan harga kayu, mutu kayu, saya fikir Lembaga ini boleh menasihatkan Kerajaan bagi menambah perimbangan bumiputra masuk dalam lapangan perusahaan kayu.

Saya beri contoh, Tuan Yang di Pertua, negeri Pahang ialah sebuah negeri yang kaya dengan kayu bahkan $\frac{3}{4}$ dari hutannya menghasilkan kayu tetapi tidak sampai tiga perusahaan yang betul-betul dijalankan oleh bumiputra daripada beberapa kilang yang ada dalam negeri Pahang. Saya tidak bawa contoh kepada negeri-negeri yang lain yang saya fikir Yang Berhormat Menteri faham bahkan ada taklimat ataupun maklumat yang ada padanya, tetapi apa yang saya suarakan dalam Dewan ini perusahaan kayu ini patutlah diberi hak supaya dirasa sama oleh rakyat negeri ini. Kalau pada keseluruhannya hanya 1.5% sahaja industri yang dimasuki oleh bumiputra, bermakna lebih 90% perusahaan-perusahaan yang ada di negara kita sekarang ini yang dibuat atau diusahakan oleh orang yang bukan bumiputra. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan dan

Lembaga ini menasihatkan Kerajaan mencari iktiar bagaimana supaya angka yang saya katakan tadi bertambah dari semasa-ke semasa.

Pada hemat saya, Tuan Yang di Pertua, perusahaan kayu ini payah. Sebelum kita menceburkan diri dalam perusahaan ini kita fikir perusahaan kayu ini payah walaupun taklimat yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengagungkan orang yang mengusahakan perusahaan kayu, tetapi setelah melalui pengalaman dan hakikat mahu membaiki juga menjaga lunas-lunas berniaga, rasa saya, kalau diberi bimbingan bumiputra boleh hidup dalam usaha perusahaan kayu ini, tetapi agak susah dan berat sedikit dalam perusahaan kayu lapis. Apa yang saya suka menyarankan dalam Dewan ini kuasa memberi kayu atau kawasan kayu adalah kuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat hanya menjaga polisi terutama supaya kekayaan hutan itu tidak terbuang.

Apa yang saya mohon kepada Kerajaan Pusat atau Yang Berhormat Menteri sendiri memikirkan penyelarasan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri mestilah ada. Kerajaan Pusat atau Kementerian yang berkenaan memang ada maklumat bahawa pengusaha bumiputra umpamanya berjalan ke arah itu. Kerajaan Negeri biasanya oleh kerana terlampau sibuk, terlampau banyak sehingga lupa hendak memberi makan kepada anaknya sendiri sekali pun, kadangkadangkang oleh kerana sibuk bekerja. Pernah Kerajaan Negeri memikirkan serba salah dalam masa hendak memberi hak kawasan-kawasan hutan ini. Kerajaan Negeri sepatutnya mengambil nasihat daripada Kerajaan Persekutuan dalam soal memberi kawasan ini.

Pertama, hendaklah kita fikir bumiputra yang mengusahakan kilang menjadi pengeluar kayu dan dia memproseskan kayu.

Kedua, bumiputra yang ada mempunyai kilang nama sahaja tetapi modalnya dimodali oleh orang yang ketiga dan ada bumiputra yang mencari kesempatan daripada syarikat yang ditubuhkan, lebih-lebih, Tuan Yang di Pertua, pada masa yang akhir ini apabila kayu-kayuan telah diperharamkan keluar negeri dengan rupa bentuk kayu bulat.

Pada masa ini, Tuan Yang di Pertua, sudah banyak saudagar-saudagar luar negeri

datang ke dalam negeri sekarang ini membuka syarikat dengan menggunakan bumiputra untuk menyalurkan harta dan modalnya ke dalam negeri ini. Pada satu lapis, Tuan Yang di Pertua, usaha ini baik iaitu memasukkan ringgit luar ke dalam negeri, tetapi pada satu pandangan lagi ini meningkatkan rezki bumiputra kerana bertanding dan berlawan.

Tuan Yang di Pertua, syarikat bumiputra adalah mengharapkan bantuan dan petunjuk dan sokongan daripada Kerajaan. Kalau sekiranya kepayahan daripada semua aspek, saya fikir angka 1.5% itu tidak akan bertambah sekali pun itulah matlamat Kerajaan kita untuk membiayai supaya bumiputra mengambil bahagian yang penuh memperimbankan kekayaan negeri ini dikuasai oleh rakyat negeri ini. Saya harap dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri akan boleh menyelaraskan masalah ini.

Yang keduanya, dalam masalah Bil ini saya mohon pertimbangan Menteri yang berkenaan iaitu Fasal 14 (2) dan Fasal 14 (3) supaya tidak ada kepayahan dan kesukaran bagi pengilang-pengilang atau pembekal-pembekal atau pengeksport-pengeksport mendapatkan pendaftaran yang baru apabila Bil ini diluluskan. Pada masa sekarang ini pembekal-pembekal, pengilang-pengilang ataupun pengeksport-pengeksport adalah didaftarkan dalam undang-undang yang dahulu. Dengan lulusnya Bil ini, saya harap dan merayu kepada Kerajaan dan juga kepada Yang Berhormat Menteri supaya tidak ada kesukaran bagi mereka mendaftar dengan undang-undang yang baharu.

Yang ketiga, Tuan Yang di Pertua, saya mohon pertimbangan Kerajaan iaitu Fasal 14 (3)—Pendaftaran. Pendaftaran ini mestilah dibaharui pada tiap-tiap tahun. Dan tempuhnya itu, kalau boleh Kerajaan timbangkan pada masa yang akan datang agak lanjut sedikit. Sekarang ini setiap tahun hendak dibaharui. Kalau boleh dua tiga tahun sekali umpamanya. Sebab saya tidak fikir ada kesukaran akan berlaku. Tetapi dalam masa mendaftar pembaharuan antara yang lama dengan yang baharu selalunya proses itu ada kelambatan sedikit. Tambahan pula mengikut Seksyen 16 ini boleh dikenakan satu syarat yang menjadikan kepayahan kepada pengilang-pengilang, pengeksport atau pembekal, jika ada syarat-syarat yang

dikenakan. Saya tidaklah menuduh Kementerian Yang Berhormat Menteri akan mengenakan sekatan ini, tetapi Seksyen 16 ini boleh menangguhkan pendaftaran sesebuah syarikat. Saya harap dapatlah kiranya perkara ini ditimbangkan.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Bil yang ada di hadapan kita sekarang ini.

Saya ingin hendak menyentuh dua perkara sahaja. Perkara-perkara lain telahpun dicakapkan oleh rakan saya Datuk Abdul Razak tadi.

Pertama sekali, saya minta pada Kerajaan, oleh kerana Dewan ini telahpun meminda beberapa banyak undang-undang, apa salahnya dipinda sedikit tentang permintaan peruntukan sawmill ini.

Apabila diuntukkan banyak sawmill, maka hutan-hutan kita akan habis dengan cepatnya. Saya suka kalau sawmill diuntukkan kepada taukeh-taukeh, itu tidak mengapa. Fasal sawmill ini mendatangkan kesulitan pada pembalok-pembalok kecil. Pada satu masa, saya boleh ceritakan di sini, apabila kayu yang tak boleh diekseptor keluar negeri, pembalok-pembalok yang kecil dapat peruntukan hutan sedikit, kita bertumpu kepada taukeh-taukeh. "Taukeh mahukah kayu ini?" Katanya: "Saya banyak kayu, tengok, saya punya sawmill pun dapat kayu seperti itu". Undang-undang itu mendatangkan kesulitan kepada orangramai. Saya minta supaya dipinda sedikit daripada peraturan yang dahulu oleh Menteri yang berkenaan.

Yang kedua, seperti yang dikatakan oleh rakan saya Datuk Abdul Razak berkenaan pendaftaran. Sebab sudah bosan menunggu, bulan tak jatuh, matahari tak naik, apa benda pun tak naik, jadi terlalai hamba Allah itu tak dapat membayarkan pendaftaran itu tadi. Kalau umpamanya sudah mati tempuhnya, patutlah diberi kebenaran untuk diperbaharui mengikut beberapa tahun yang Kerajaan boleh luluskan untuk membaharui balik. Saya harap, kalau dapat minta empat atau lima tahun sekali dibaharui balik pendaftaran itu mengikut bayaran daripada awal. Terima kasih.

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ditempohkan selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.25 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.50 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

Perbahasan disambung semula.

Dr Mahathir bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja berkenaan dengan Undang-undang menubuhkan Malaysian Timber Industry Board ini.

Saya percaya ini ialah lembaga yang menggantikan lembaga yang lama yang mana lembaga yang lama itu ada ahli daripada Singapura termasuk di dalamnya.

Teguran tentang lembaga yang telah dibuat di dalam Kongres Bumiputra tahun 1968, tetapi nampaknya dalam tahun 1973 baharulah dapat kita membentuk lembaga yang baharu ini.

Saya kurang jelas tentang tanggungjawab lembaga ini berkenaan dengan reforestation mungkin ini bukan tanggungjawab lembaga ini, tetapi kalau lembaga ini ingin kekal sebagai lembaga, maka terpaksa lembaga ini menjaga supaya ada kawasan-kawasan hutan, kawasan-kawasan hutan itu kalau dikerjakan dengan tidak ada reforestation pada satu ketika mungkin lembaga ini akan ditamatkan, kerana tidak ada lagi hutan-hutan yang hendak dikerjakan. Mungkin berkenaan reforestation ini ialah tanggungjawab Kementerian yang berkenaan, tetapi saya berharap pihak lembaga ini juga mengambil berat tentang soal reforestation ini supaya perusahaan ini dapat dikekalkan, dan dengan adanya perusahaan ini baharulah dapat lembaga ini mengekalkan dirinya.

Sekianlah sahaja teguran saya dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk bercakap sedikit dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Pada dasarnya setelah dikaji, saya nampak benar-benar bagaimana Kerajaan mempunyai niat yang cukup baik dengan menggubal semula Rang Undang-undang ini bagi menggantikan lembaga yang dahulu yang nyata ada banyak kelemahan-kelemahan.

Rang Undang-undang ini didapati sedikit sebanyak kekuatan dan kalau sekiranya kita dapati kelemahan kemudian, akan dipinda pula, tetapi sesuatu pindaan kalau didapati kelemahannya tidaklah mesti menunggu sampai lima tahun atau tiga tahun baharu hendak dipinda, kerana itu merugikan banyak kepentingan-kepentingan padagang-pedagang atau pengusaha-pengusaha dan kepentingan negeri ini sendiri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, saya percaya rancangan Kerajaan yang baik ini, maka telah dikeluarkan larangan beberapa bulan yang lalu dengan cara mengejut beberapa jenis-jenis kayu yang penting untuk diekspot.

Langkah ini adalah satu langkah yang sangat bijaksana, kerana dengan jalan ini dapat mempercepatkan pengusaha-pengusaha kayu bagi mengadakan kilang-kilang perusahaan di negeri ini yang membolehkan rakyat kita mendapat pekerjaan di dalam negeri kita sendiri. Akan tetapi suatu pelaksanaan, suatu peraturan yang mahu dilaksanakan tidak harus dipukul rata, harus diberi pertimbangan yang adil mengikut keadaan dan tempat serta masanya.

Saya adalah sangat bersetuju bahawa langkah ekspot ini dilakukan, kalau boleh bukan sahaja Malaysia tetapi seluruh negara-negara ASEAN bekerjasama dalam membataskan ekspot kayu balak ini. Akan tetapi sebelum daripada kita mempunyai persediaan-persediaan, serta segala kelengkapan yakni proses meujudkan perkilangan dalam negeri kita, maka pengeluaran kayu kita yang berlebihan telah dilarang untuk diekspot dengan sendirinya akan melibatkan pengusaha-pengusaha itu sendiri dan melibatkan juga pekerja-pekerja dalam perusahaan kayu itu sendiri dan juga merugikan kepentingan Kerajaan sendiri. Misalnya di dalam larangan itu lebih kurang 10 jenis kayu yang tidak dapat diekspot telah terhenti pengeluaran kayu yang selama ini diekspot ke Singapura. Yang terlibat dengan teruk sekali ialah pengusaha-pengusaha kayu di dalam negeri Pahang di bahagian utara Kuala Lipis sampai pertengahan negeri Kelantan termasuk di bahagian ulu negeri itu. Kawasan ini adalah kawasan yang tidak mempunyai jalanraya yang semata-mata bergantung dengan perjalanan keretapi.

Pengusaha-pengusaha kayu di kawasan ini mungkin telah lewat membuat kilang memproseskan seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan kepada mereka, atau mungkin mereka telah meminta, tetapi belum mendapat kebenaran dari Kerajaan mendirikan kilang-kilang untuk diproses kayu-kayu di kawasan mereka. Walau apa hal sekali pun mereka yang mengeluarkan kayu yang hanya semata-mata bergantung kepada jalan keretapi dan tidak ada jalan lain oleh kerana mereka itu mengeluarkan kayu dan hanya menggunakan jalan keretapi, maka sumber-sumber untuk menjualnya adalah terlalu terbatas disebabkan perhubungan. Maka banyak kilang-kilang yang ada, dan yang sudah ada menawarkan harga-harga yang sangat rendah dan tidak menasabah atau menawarkan harga-harga yang agak menasabah daripada pengusaha-pengusaha kayu ini, akan tetapi dengan tanggungan bayarannya terlampau tidak menasabah. Sehingga itu menimbulkan kegelisahan sehingga terasa lebih baik dikurangkan pengeluarannya. Dengan itu akan menyebabkan tenaga-tenaga pekerja kita pula mestilah dikurangkan. Itu akan merugikan kepada rakyat khususnya mengenai perusahaan kayu di kawasan selatan Kelantan dan sampai bahagian utara Pahang yang mengikuti jalan keretapi. Kerugian ini menimpa kepada pengusaha-usaha kayu, kepada pekerja-pekerja kayu dan kepada keretapi juga kerana hilang peluangnya mengangkut, begitu juga Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat akan kehilangan punca-punca hasil ekspot.

Sebaliknya Singapura yang selama ini mendapat kayu dari punca-punca ini telah mendapat kayu dari Indonesia yang bertimbun-timbun datangnya. Kalau kita maksudkan untuk mengawal supaya kayu-kayu negeri kita ini tidak sampai ke Singapura, dan lebih penting diproses di negeri kita, saya menyokong, akan tetapi sebelum sampai masanya kita mempunyai kilang yang boleh memproses hak kita sendiri, larangan yang dikenakan ini samalah seperti kita menyuruh orang menutup ataupun menimbus perigi atau telaganya sendiri dengan kerana kita mahu supaya dipasang paip. Paip belum dipasang, telaga sudah dikambus ertinya air yang tidak dapat diminum.

Tuan Yang di Pertua, dalam hal ini tentu Kerajaan-kerajaan bersetuju dan saya juga

bersetuju ditahan, tetapi Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak ada kerugian dalam hal ini misalnya negeri Pulau Pinang dia tidak rugi dalam hal ini, tetapi kawasan-kawasan negeri yang mempunyai kepentingan tentulah rugi, pengusaha yang ada kepentingan dan pekerja-pekerjanya juga akan rugi, sebab itu, saya mahu supaya Kerajaan menimbangkan balik kalau sekiranya perlaksanaan daripada undang-undang ini masih lambat lagi. Kalau perlaksanaan itu akan berlaku dengan cepat, maka itu sudah cukup. Sebab apa pengusaha-pengusaha balak boleh meminta izin, meminta kebenaran daripada Lembaga ini untuk menjalankan perusahaannya, tetapi kalau agak lambat, tolonglah dilonggarkan, dikecualikan bagi peringkat yang berhubung dengan mereka yang hanya menggunakan rail keretapi semata-mata dalam pengeluaran kayu ini.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:

Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih atas tegoran-tegoran daripada Ahli Yang Berhormat sekalian. Nampaknya semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap memanglah menyokong Rang Undang-undang ini dan di mana mereka telah membuat tegoran ialah mengenai perkara-perkara butiran sahaja. Biarlah saya cuba menegaskan beberapa perkara sebagai menerangkan soal-soal yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak Hussin telahpun merayu supaya Kerajaan membuat dasar yang lebih tegas dan, kalau boleh, dasar yang dapat diselaraskan sama dengan dasar di peringkat Negeri dan di peringkat Pusat untuk menolong bumiputra supaya mereka bukan sahaja akan dapat berjaya dengan soal menjalankan perniagaan sebagai pembalok, tetapi juga seterusnya akan dapat menjadi pihak yang boleh memproses dan mengeksport barang-barang yang dibuat daripada kayu-kayan negara kita ini.

Saya memanglah menyokong sangat atas pandangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya dalam beberapa tahun yang sudah lepas Kerajaan telahpun condong sedikit kepada pihak bumiputra untuk membolehkan mereka dalam keadaan kelemahan yang mereka tempohi membuat langkah untuk memajukan peranan mereka sendiri di dalam perniagaan balak ini. Satu

langkah yang saya tahu yang telah dijalankan oleh pihak-pihak Kerajaan Negeri ialah mengenai rancangan memberi kawasan-kawasan kepada bumiputra. Saya telah dapati bahawa bercakap secara tidak langsung iaitu setengah juta ekar telah diberi dalam negeri kita ini kepada orang-orang Melayu untuk menggalakkan mereka sebagai pembalok-pembalok. Kalau dibandingkan dengan luasnya kawasan-kawasan yang diberi kepada orang yang bukan bumiputra, maka nampaklah kawasan-kawasan yang diberi kepada bumiputra ini lebih banyak daripada yang diberi kepada orang yang bukan bumiputra, untuk membolehkan mereka berdiri di atas kaki sendiri mereka telahpun diberi beberapa quota untuk kayu-balok sungguhpun dasar am kita memanglah menegakkan kayu balak keluar negeri. Tujuan kita hendak melonggarkan aturan-aturan ini terhadap bumiputra ialah supaya menggalakkan mereka mendapatkan untung dengan secepat-cepatnya dan menggunakan keuntungan yang mereka perolehi itu untuk mendirikan kilang-kilang. Sungguhpun saya rasa kemajuan di dalam lapangan mendirikan kilang-kilang ataupun kilang-kilang yang lebih sophisticated cara prosesnya tidak secepat-cepatnya seperti kita ketahui sendiri.

Tetapi ada bukti yang menunjukkan bahawa beberapa orang bumiputra telahpun dapat berjaya dalam mengusahakan misalnya membuat veneer dan plywood ini ternyata di negeri Pahang di tempat Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak sendiri. Kalau mereka yang telah berjaya ini, saya memanglah mengucapkan tahniah dan saya harap mereka akan dapat menolong rakan-rakan mereka yang lain di kalangan bumiputra supaya dapat memberi galakkan untuk memajukan langkah kedudukan mereka daripada seorang pembalok, seorang yang memproses kayu-kayan.

Sungguhpun kita tidak ada cara-cara menyelaraskan dasar hendak menolong bumiputra ini dengan secara terus-terang di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri pada masa sekarang ini, tetapi nampaknya dasar yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam menjalankan kuasa dalam bidang kuasa mereka sendiri telahpun sejajar dengan tujuan Kerajaan kita terutama sekali tujuan-tujuan yang telah dijelaskan Dasar Ekonomi Baharu ini.

Harapan saya, maka dasar ini akan terus berjalan seperti yang telah berlaku di masa yang lepas, kalau tidak pun lebih baik, jadi tidaklah, saya rasa, menjadi kebimbangan bagi kita hendak membuat jentera yang baharu untuk menyelaraskan dasar-dasar ini.

Dalam soal amnya mengenai kayu memanglah sudah ada penyelarasan sedikit demi sedikit di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri menerusi badan yang dinamakan Majlis Perhutanan Negara (Forestry Council). Majlis ini telahpun berunding sekali dan dalam persidangan pertama kita memanglah rasanya sangat menggalakkan melihatkan bahawa banyak Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun bersetuju supaya diadakan diperingkat Negeri satu tabung yang dinamakan Reafforestation Fund iaitu khasnya untuk membiayai belanja-belanja untuk menggalakkan pertumbuhan semula hutan-hutan di dalam negeri kita ini terutama sekali kawasan-kawasan yang ditebang khasnya untuk menjadi sumber kayu-kayan kita selama-lamanya dalam negara kita ini memanglah ada dasar yang dinamakan dasar perpetual-yield-basis cutting iaitu menggalakkan supaya sumber kehutanan kita akan dianggapkan sebagai kekayaan yang akan tumbuh berganti iaitu kita cuba hendak menyekatkan pihak-pihak daripada menebang kayu-kayan dengan sebarang. Kita ada undang-undang yang dijalankan di peringkat Negeri menerusi Jabatan Perhutanan Negeri yang melarang sesuatu syarikat atau sesuatu pihak menebang kayu, melainkan mengikut satu work plan dan rancangan pekerjaan ini memanglah berasas kepada kira-kira kita bahawa kayu itu akan dapat tumbuh dalam masa 40 tahun.

Inilah cara-cara kita hendak menjamin supaya ada cukup sumber kayu kita sebagai asas perusahaan kayu keseluruhannya. Saya memanglah mengatakan bahawa dalam soal perlaksanaan dasar ini, barangkali lebih banyak ada kelemahan-kelemahan. Saya sendiri akan cuba berunding dengan pihak-pihak negeri supaya sedikit demi sedikit kita akan dapat mengatasi kelemahan-kelemahan ini. Saya tidak dapat menafikan bahawa ada kelemahan-kelemahan dalam soal forest management ini ataupun pengurusan perhutanan kita ini untuk mencapai sepenuhnya tujuannya tujuan perpetual yield-basis cutting.

Mengenai soal mendapatkan pendaftaran bagi orang yang menjadi exporter ataupun

peranan capacity-capacity lain, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa saya tidaklah akan menyusahkan kedudukan mereka yang sudah mempunyai pendaftaran yang diberi di bawah Pentadbiran Lembaga yang sudah lepas. Sebenarnya Seksyen 43 telah menjamin hak mereka yang sudah mempunyai pendaftaran di bawah Lembaga yang lama, akan mendapatkan pendaftaran baharu di bawah Lembaga yang baharu ini. Sebenarnya, walaupun Pendaftaran ini diberi hanya untuk tempoh setahun sahaja dan akan di-baharui daripada satu tahun ke satu tahun, dalam prektisnya tidaklah ada terjumpa orang-orang yang telahpun mendapatkan pendaftaran, tetapi terpaksa berhenti, kecuali kerana pendaftaran baharu tidak didapati.

Sebenarnya, walaupun nampaknya pendaftaran ini hanya diberi untuk tempoh satu tahun, Lembaga tidak berhak dan tidaklah diramalkan bahawa Lembaga akan memotong sesuatu lesen ataupun pendaftaran itu tanpa sesuatu sebab yang ditentukan oleh Undang-undang, iaitu melanggar beberapa syarat-syaratnya atau melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang ini. Yang sebenarnya memang boleh dikatakan renewal of registration is almost a matter of right. Dan kalaulah pihak Lembaga akan enggan memberi pendaftaran baharu, maka pihak yang mempunyai pendaftaran itu akan diminta mununjukkan sebab-sebabnya mengapa pendaftaran baharu tidak akan diberikan kepada mereka ataupun to show cause. Ini menunjukkan bahawa soal menolak ataupun enggan membaharui pendaftaran itu adalah soal yang sangat berat di dalam pandangan dan Undang-undang tidak melakukan melainkan ada sebab-sebab yang tertentu.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin memberi jaminan bahawa dalam pertukaran daripada Lembaga yang lama kepada Lembaga yang baharu tidaklah seorang pun akan menjadi mangsa di dalam soal mendapatkan pendaftaran baharu.

Satu soal lagi yang saya ingin hendak menyentuh ialah soal mengharamkan peng-ekspotan kayu balak ataupun logs daripada Malaysia, iaitu pengharaman atas 10 species ataupun jenis kayu. Atas soal ini saya ingin menyatakan bahawa pengharaman ekspot itu telahpun dijalankan bukan kerana Kerajaan sudah ada dasar yang tertentu hendak mengharamkan ekspotnya; perkara ini berlaku kerana ada kekurangan kayu balak di dalam

negara kita ini. Sebenarnya sebelum saya mengharamkan eksport 10 jenis kayu ini, keadaan perbekalan kayu balak di dalam negara ini adalah begitu kritikal sehingga tiga buah kilang kayu hampir-hampir hendak ditutup. Saya sendiri pun telah memeriksa kedudukan perbekalan kayu dan ada beberapa tempat, saya nampak orang tidak dapat kayu balak untuk kilang mereka dan ada sekim-sekim FELDA pun hampir menghadapi kekurangan bahan untuk membuat rumah kerana kekurangan bahan kayu balak ini.

Saya rasa apakala kita telah melahirkan dasar hendak menggalakkan penanaman-penanaman modal untuk melaburkan wang mereka membuat kilang dan membina plywood factory dalam negeri kita ini dan kita tidak akan mengambil tindakan untuk menjamin perbekalan kayu, maka ini di dalam pandangan saya adalah satu breach of faith on the part of the Government. Apakala kedudukan demikian telah berbangkit, maka memanglah menjadi kewajipan kita sebagai pihak yang memerintah negara ini untuk menjamin bahawa perbekalan bagi kilang-kilang yang kita telah galakkan masuk, berdiri dalam negeri kita ini akan mempunyai sumber-sumber ramuan barang mentah dengan cukup baik.

Yang Berhormat Tuan Amaluddin Darus telahpun menyentuh soal ini dan telah mengatakan bahawa barangkali Kerajaan telah tergesa-gesa mengambil langkah mengharamkan eksport 10 jenis kayu itu dan barangkali juga persediaan untuk menggalakkan kilang-kilang tumbuh dalam Malaysia ini belum cukup betul, sehingga hendak melicinkan soal pengharaman pengeksportan kayu balak ini dengan bantuan-bantuan untuk mendirikan kilang.

Dalam soal implementasi ataupun soal pelaksanaan mestilah ada beberapa masalah yang akan timbul. Satu masalah yang telah kita jumpa berikutan dengan pengharaman eksport 10 jenis kayu itu ialah pembalok-pembalok di kawasan sebelah negeri Kelantan, yang hanya dapat mengangkut kayu mereka dengan keretapi telahpun menghadapi keadaan menyimpan kayu balak berlonggok-longgok. Sebenarnya saya telahpun menghantar Pengarah Utama dalam Jabatan Kehutanan saya untuk menyelidik keadaan ini. Saya sendiri mengatakan di sini, dengan secara terus-terang bahawa saya tidak

convince ataupun tidak percaya bahawa pihak syarikat yang ada kayu balak berlonggok ini telahpun mengambil usaha sekuat-kuatnya untuk menjualkan kayu balak mereka di dalam Malaysia ini dan ada sebab-sebabnya saya mengatakan bahawa mereka itu hanya mencari sebab untuk menunjukkan betapa susahnya ataupun mengapa mereka tidak dapat menjual kayu dalam Malaysia ini dan daripada itu mereka ingin hendak mendapatkan kebenaran saya untuk menjualkan kayu di Singapura.

Sebenarnya saya telahpun mengambil langkah hendak berunding dengan pihak-pihak yang akan menggunakan kayu balak ini dan mereka telah menyatakan kepada saya bahawa mereka bersedia hendak membeli kayu balak ini bila-bila masa sahaja dan apakala saya suruh menunjukkan bahawa mereka benar-benar sungguh hendak membeli kayu dan tidak akan mengambil peluang daripada ban yang saya telah kenakan tadi, maka mereka terus mengumpul wang dan pada masa sekarang ini mereka sudah mempunyai \$1,000,000 untuk membeli kayu-kayu balak daripada sesiapa pun yang ada mempunyai kayu yang tidak dapat dijualkan. Ini menunjukkan bahawa pihak pengguna, pihak pengilang ada mempunyai *bona fide* interest untuk membeli balak-balak daripada pihak yang ada balak dan saya dapat tahu bahawa pihak yang di Kelantan itu enggan hendak berunding dengan pihak-pihak pengilang dan pihak-pihak pengguna kayu balak ini, walaupun mereka telah menyatakan keinginan mereka hendak membeli kayu-kayu yang ada tersimpan di Kelantan itu.

Saya rasa nasihat saya kepada pihak yang berkenaan, yang mempunyai balak yang berlonggok ini memanglah hendak berjumpa kepada private sector dan pengguna-pengguna di sini dan saya sendiri ingin hendak melihat bahawa kalau benar-benar mereka tidak dapat menjualkan kayu balak ini, saya berasa sangat hairan kerana saya nampak keinginan sudah ada bagi pihak pengguna-pengguna kayu balak hendak membeli dengan syarat-syarat yang tertentu.

Jadi nampaknya keadaan dalam mana saya telah mengenakan ban itu tidaklah salah dan saya fikir kalau ada kesalahan yang sebenar-benarnya yang tidak dapat diatasi, saya memang sedia hendak melonggarkan peraturan-peraturan yang telah saya berikan, tetapi dalam kes di Kelantan itu, saya rasa,

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

JABATAN PERDANA MENTERI

Bangunan-bangunan Mahkamah Baharu

1. **Tuan Wong Seng Chow** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan ada cadangan untuk membina bangunan-bangunan Mahkamah yang baharu di Bahau, Kuala Pilah, Tampin, Gemas dan Port Dickson di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan jika ada, bilakah kerja-kerja itu akan dimulakan.

Perdana Menteri: Rancangan pembinaan mahkamah-mahkamah baru yang akan dijalankan dalam Negeri Sembilan di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah di Bahau, Kuala Pilah, Tampin, Gemas, Port Dickson dan juga di Rembau. Tanah-tanah tapak untuk mahkamah-mahkamah baru ini telah dipohon semenjak tahun 1970 lagi; tetapi oleh kerana beberapa sebab, permohonan-permohonan itu belum lagi diluluskan oleh pihak yang berkenaan kecuali di Rembau. Apabila tanah-tanah tapak ini diluluskan dan pihak Perbendaharaan meluluskan peruntukan untuk projek-projek ini maka kerja-kerja pembinaan bolehlah dimulakan.